

# أصول الدين

للسنة الأولى

## فهرس

١	١. باب التوحيد
23	٢. باب التفسير
57	٣. باب الحديث

# باب التوحيد

## المحتويات

٢	١ . العقيدة الصحيحة
٤	٢ . علم التوحيد
٧	٣ . حقيقة الإيمان
١٤	٤ . حقيقة الإسلام
١٨	٥ . حقيقة الإحسان
٢٠	٦ . الحكم العقلي

Pelajaran pertama

**AKIDAH YANG BENAR****Pengertian Akidah**

**Akidah** dari sudut **bahasa** ialah ikatan yang kuat dan simpulan yang kukuh.

**Akidah** dari sudut **istilah** pula ialah sesuatu yang mengikat pada hati seseorang dan dekat / tunduk patuh kepada Allah.

\* Anda perlu berpegang dengan akidah yang benar untuk menjauhi seksaan yang pedih dari Allah swt.

**Perbendaharaan kata**

(الربط) perjanjian iaitu ikatan yang kukuh

(الشدة) ikatan

(دان) tunduk / patuh

**Kepentingan berpegang dengan akidah yang benar:****Pertama : Akidah adalah asas agama.**

Firman Allah swt : "Padahal mereka tidak disuruh kecuali supaya menyembah Allah dengan memurnikan ketaatan kepada-Nya".

**Kedua : Akidah adalah pendahuluan kepada amalan.**

Firman Allah swt : "Dan sesiapa yang datang kepadaNya sedang ia beriman, serta ia telah mengerjakan amal-amal yang soleh, maka mereka itu akan beroleh tempat-tempat tinggal yang tinggi darjatnya:

**Ketiga : Akidah membimbing seseorang untuk teguh ketika diuji.**

Firman Allah swt : " Sesungguhnya kami Telah menciptakan manusia dari setetes mani yang bercampur (antara benih lelaki dengan perempuan ) yang kami hendak mengujinya (dengan perintah dan larangan), Karena itu kami jadikan dia mendengar dan Melihat".

**العقيدة الصحيحة****تعريف العقيدة**

العقيدة في اللغة : الربط والشدة بقوه.

العقيدة في الاصطلاح : ما عقد الإنسان قلبه عليه ودان الله

\* عليكم بالتمسك بالعقيدة الصحيحة لاجتناب العقوبة الشديدة من الله.

**معاني المفردات**

الربط : الإيثاق والتقييد

الشدة : العهد أي قوي الارتباط

دان : خضع / أطاع

**أهمية التمسك بالعقيدة الصحيحة :**

أولاً : العقيدة أساس الدين، قال تعالى: وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

سورة البينة : ٩٨

ثانياً : العقيدة مقدمة على الأفعال، قال تعالى: وَمَن يَأْتِهِ مُؤْمِنًا قَدْ حَمِلَ الصَّلِحَاتِ

سورة طه : ٢٠

فَوَلَئِكَ هُمُ الْدَّرَجَاتُ الْعُلَىٰ ﴿٢٠﴾

ثالثاً : تربى العقيدة الرجال الثابتين عند الابلاء، قال تعالى: إِنَّا هَلَقْنَا إِلَّا نَسَنَ مِنْ نُطْفَةٍ

أَمْشَاجَ نَبْتَلِيهِ سورة الإنسان

**Keempat : Akidah mendorong seseorang itu melakukan ketaatan dan amalan baik.**

Nabi saw bersabda : “Apabila kamu melihat seseorang yang biasa ke masjid, maka saksikanlah keimananannya” – hadis riwayat at Tarmizi.

\* Akidah yang benar akan memelihara manusia daripada syirik kepada Allah dan melakukan dosa besar.

**Keistimewaan Akidah Islam**

Akidah Islam mempunyai keistimewaan tersendiri yang tidak ada pada kepercayaan agama lain.

- Akidah yang jelas dan mudah, yang tidak keliru atau sukar untuk difahami
- Akidah yang kukuh tertentu yang tidak boleh menerima penambahan dan pengurangan.
- Akidah yang tidak asing daripada fitrah kejadian manusia.
- Akidah sederhana yang tidak melampaui batas atau mengabaikan.

\* Soalan : Apakah peranan akidah Islam ?

Jawapan : Akidah yang benar membawa manusia kepada bersegera melakukan kebaikan dan diperkenankan doanya oleh Allah swt.

Kesan menyeleweng dari akidah Islam :

- Manusia akan terjerumus dalam perkara yang dilarang, kesamaran dan khurafat
- Manusia akan masuk neraka pada hari akhirat
- Manusia akan hilang rasa cintakan Allah swt dan RasulNya
- Manusia akan cenderung kepada amalan kufur dan bid'ah.
- Manusia akan berani melanggar perintah dan larangan Allah swt.

رابعا : تدفع العبد إلى الطاعات والأعمال الصالحة، قال النبي صلى الله عليه وسلم : إذا رأيتم الرجل يعتاد المسجد، فاشهدوا له الإيمان. رواه الترمذى

\* العقيدة الصحيحة تحفظ الإنسان من الشرك وكبائر الذنب.

**مميزات العقيدة الإسلامية**

للقيد الإسلامية مزايا لا توافر لغيرها من العقائد

- عقيدة واضحة بسيطة لا تعقيد فيها ولا غموض
- عقيدة ثابتة محددة لا تقبل الزيادة والنقصان
- عقيدة ليست غريبة عن الفطرة الإنسانية
- عقيدة وسط لا تجح فيها إفراطا ولا تفريطا

\* س - ما دور العقيدة الإسلامية، يا أستاذة؟

ج - العقيدة الصحيحة تؤدي بالناس إلى المسارعة الخيرية واستجابة الدعاء.

**آثار الانحراف عن العقيدة الإسلامية :**

- وقوع الإنسان في المحظورات والأوهام والخرافات
- دخول الإنسان النار في الآخرة
- فقدان الإنسان الشعور بمحبة الله ورسوله صلى الله عليه وسلم
- ميل الإنسان إلى أعمال الكفر والبدعة
- الجرأة على مخالفنة أوامر الله ونواهيه

Pelajaran kedua:

## ILMU TAUHID

**Ilmu Tauhid** dari sudut **bahasa** ialah ilmu bahawa sesuatu itu satu

**Ilmu Tauhid** dari sudut **istilah** pula ialah ilmu yang dapat menetapkan/mengukuhkan kepercayaan beragama yang diperolehi daripada dalil yang diyakini.

**Perbendaharaan kata:**

(يقتدر) dapat / boleh

(إثبات) menyatakan dan membenarkan

(المكتسب) diperolehi

\* Akidah yang benar dapat memelihara manusia daripada kesesatan dan kerosakan. Begitu juga akidah ini dapat memelihara manusia daripada seksaan yang pedih yang dijanjikan oleh Allah swt.

**Hokum mempelajari ilmu tauhid :** adalah fardu ain bagi setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan.

**Hasil mempelajari ilmu tauhid:**

- 1- Mengenal Allah swt dengan dalil yang tidak ada keraguan.
- 2- Tauhid yang suci membahukan pegangan kepada akidah yang benar jauh daripada kesesatan kufur dan bid'ah.
- 3- Orang yang mempelajarinya akan mendapat petunjuk yang sempurna serta taufiqNya bagi setiap pahala dan kemenangan yang diperolehi.
- 4- Allah swt akan mengampunkan seseorang itu dengan ilmu tauhid ini daripada dosa dan menghapuskan keburukannya.
- 5- Ilmu tauhid ini dapat menghalangnya daripada neraka dengan sepenuhnya apabila ianya sempurna di hatinya.

**\* Doa ditetapkan di atas agama Islam:**

"Ya Tuhan kami, janganlah Engkaujadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan karuniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau; Karena Sesungguhnya Engkau-lah Maha pemberi (kurnia)".

## علم التوحيد

**علم التوحيد** لغة : العلم بأن الشيء واحد  
اصطلاحا العلم الذي يقتدر به على إثبات العقائد الدينية المكتسب من أدلةها اليقينية

## معاني المفردات

يقتدر : قدر وتمكن

المكتسب: الحصول

إثبات : تحقيق وتصحيح

\* تحفظ العقيدة الصحيحة الإنسان من الضلال والفساد. وكذا تحترزه من العقوبة الشديدة التي وعد الله بها.

**حكم دراسة علم التوحيد :** فرض عين على كل مسلم ومسلمة

## ثمرات دراسة علم التوحيد :

- ١- هي معرفة الله تعالى بالأدلة التي ليس فيها شك
- ٢- التوحيد الخالص يشمر الإعتقاد بالعقائد الصحيحة من ضلال الكفر والبدعة
- ٣- يحصل صاحبه على المدي الكامل والتوفيق لكل أجر وغنيمة
- ٤- يغفر الله بالتوكيد الذنوب ويکفر به السيئات
- ٥- التوحيد يعني دخول النار بالكلية إذا كمل في القلب

**\* دعاء الشبات على دين الإسلام :**

رَبَّنَا لَا تُرِغِّبْنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴿٦﴾

## نشأة علم التوحيد

### **Perkembangan ilmu tauhid**

Lahirnya ilmu tauhid kerana beberapa sebab/faktor dalaman dan luaran.

#### **Faktor dalaman ialah seperti berikut :**

- 1- Dakwah al Quran kepada tauhid untuk agama-agama utama yang tersebar pada zaman nabi saw.
- 2- Perbezaan pandangan orang Islam dalam masalah akidah, lalu terhasillah daripada perkara ini beberapa pendapat dan aliran pemahaman.
- 3- Perbezaan mereka dalam masalah politik , seterusnya jadilah parti itu sebagai kumpulan agama yang mempunyai pandangan tersendiri.

#### **Faktor luaran ialah seperti berikut :**

- 1- Masuknya pendapat daripada agama-agama terdahulu ke dalam agama Islam.

Ramai di kalangan orang yang memeluk agama Islam selepas pembukaan kota Meka adalah daripada pelbagai agama. Mereka ini menzahirkan kepercayaan mereka yang terdahulu dalam bentuk agama mereka yang baru.

- 2- Perkara utama di kalangan kumpulan-kumpulan Islam ialah mempertahankan agama ini.

Negara Islam terdedah kepada pelbagai pendapat dan agama. Setiap kumpulan berusaha menegakkan pendapat mereka dan membantalkan pendapat yang lain.

- 3- Keperluan golongan ulamak ilmu Kalam (Usuluddin) kepada ilmu falsafah.

Ini mendorong mereka membaca ilmu falsafah Greek dan membahaskannya, membincangkannya dan menolak (falsafah yang bertentangan dengan Islam).

### **Pengasas ilmu Tauhid**

Nama beliau : Abu Hasan, Ali bin Ismail bin Ishak al Asy'ari.

Tahun kelahirannya : 260 Hijrah, dilahirkan di Basrah (Iraq)

Mazhab terdahulu : Mazhab Muktazilah.

لقد نشأ علم التوحيد لأسباب داخلية وأخرى خارجية.

#### **أما الأسباب الداخلية، فهي كالآتية:**

- ١ - دعوة القرآن إلى التوحيد لأهم الديانات التي كانت منتشرة في عهد النبي صلى الله عليه وسلم.
- ٢ - اختلاف وجهة نظر المسلمين في المسائل العقائدية، فنتجت عن هذا آراءً ومذاهبٌ.
- ٣ - خلافهم في المسائل السياسية، فأصبحت الأحزاب فرقاً دينية لها رأيها.

#### **أما الأسباب الخارجية فهي :**

- ١ - دخول الآراء من الديانات القديمة في الإسلام.
- كثير من دخل الإسلام بعد الفتح كان من الديانات المختلفة، فأظهروا معتقداتهم السابقة في لباس دينهم الجديد.
- ٢ - إنهم الأول عند الفرق الإسلامية هو الدفاع عن الدين.
- وكانت البلاد الإسلامية معارضة لكل الآراء والديانات، ويحاول كل فريق إبداء رأيه، وابطال رأي غيره.
- ٣ - حاجة المتكلمين إلى الفلسفة.
- فتدعفهم إلى قراءة الفلسفة اليونانية، والنطق بها، والتكلم في شأنها، والرد عليها.

## مؤسس علم التوحيد

اسمه : أبو الحسن علي بن إسماعيل بن إسحاق الأشعري.

سنة الميلاد : ٢٦٠ هـ ، وُلد بالبصرة.

مذهب السابق : المعتزلة

**Tujuan / objektifnya :** Ingin mewujudkan mazhab (aliran pemikiran) pertengahan yang menghimpunkan antara method / cara golongan Muktazilah yang berdasarkan logic akal dan pemikiran sunnah (ahli sunnah wal jamaah)

**Tahun kematianya :** 324 Hijrah dan dikebumikan di Baghdad (Iraq).

\* Antara hasil karya Abu Hasan Asy'ar ialah kitab Luma' (untuk menolak pendangan golongan yang menyeleweng daripada agama Islam yang sebenar).

### Tajuk perbahasan ilmu tauhid

#### 1- Ketuhanan

Perbahasan tentang perkara yang wajib , yang mustahil dan yang harus pada zat Allah swt dan sifat-sifatNya.

#### 2- Kenabian

Perbahasan tentang perkara yang wajib , yang mustahil dan yang harus pada hak para rasul.

#### 3- Perkara-perkara ghaib

Setiap perkara yang sabit melalui syarak daripada perkara-perkara ghaib.

\* Sesungguhnya Allah swt mengasihi hamba yang berpegang pada akidah yang benar dan akidah tersebut akan memeliharanya daripada dosa dan dosa besar

هدفه : أراد أن يقيم مذهباً وسطاً يجمع بين منهج المعتزلة العقلاوي والفكر السني

سنة الوفاة : ٣٢٤ هـ، ودُفن في بغداد.

\* من مؤلفات أبي الحسن الأشعري : كتاب اللمع في الرد على أهل الزيف والبدع.

### موضوع علم التوحيد

#### (أ) الإلهيات

البحث عما يجب وُيستحيل ويجوز في ذات الله وصفاته.

#### (ب) النبوات

البحث عما يجب و يستحيل و يجوز في حق الرسل عليهم الصلاة والسلام.

#### (ج) السمعيات

كل ما ثبت بطريقة الشرع من أمور الغيبيات.

\* إن الله يحب العبد الذي يعتمد على العقيدة الصحيحة، وأنها تعتصمه من الذنوب

والكبائر.

Pelajaran ketiga

**HAKIKAT IMAN**

**Hakikat iman** dari sudut **bahasa** ialah mempercayai / membenarkan dan menyakini

**Hakikat iman** dari sudut **istilah** ialah kata-kata dengan lidah dan mempercayai dengan hati serta mengamalkannya dengan anggota badan

**Perbendaharaan kata:**

(الأركان) anggota badan manusia

(السلف) generasi pada kurun ke 3 pertama hijrah / (300 tahun)

(الجازم) yang putus

(الجنان) hati

**Dalil Naqli** (al Quran / hadis) tentang hakikat iman:

Ketika Jibril bertanya kepada nabi saw tentang iman, baginda berkata: (iman ialah) kamu beriman dengan Allah swt, para malaikatNya, kitab-kitabNya, para rasulNya, hari akhirat dan kamu beriman dengan ketentuanNya sama ada baik atau buruk.

Hadis riwayat Muslim.

\* Galakan agar istiqamah (teguh pendirian) dalam amalan kebaikan. Orang islam perlu berdoa kepada Allah swt setiap masa.

**Rukun iman**

Rukun iman ada enam perkara:

**1- Beriman kepada Allah swt**

Iaitu kepercayaan yang kukuh dengan kewujudan Allah swt sebagai tuhan pencipta yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan dan maha suci Dia daripada segala sifat kekurangan.

Firman Allah swt :

1. Katakanlah: "Dia-lah Allah, yang Maha Esa.
2. Allah adalah Tuhan yang bergantung kepada-Nya segala sesuatu.
3. Dia tiada beranak dan tidak pula diperanakkan,
4. Dan tidak ada seorangpun yang setara dengan Dia."

**حقيقة الإيمان**

**حقيقة الإيمان** لغة : التصديق والإعتقاد

اصطلاحا : القول باللسان والإعتقاد بالجنان والعمل بالأركان

**معاني المفردات**

**الأركان** : الجوارح وأعضاء الإنسان

**السلف** : الجيل في القرون الثلاثة الأولى من المحرجة

**الجنان** : القلب

**الجازم** : القاطع

**الدليل النقلي على حقيقة الإيمان**

حين سأله جبريل النبي صلى الله عليه وسلم عن الإيمان، قال: أن تؤمن بالله، وملائكته، وكتبه، ورسله، واليوم الآخر، وتؤمن بالقدر خيره وشره. رواه مسلم.

\* الحث على الاستقامة في الأعمال الصالحة، وعلى المسلم أن يدعوا الله سبحانه وتعالى في كل أحيان.

**أركان الإيمان**

**أركان الإيمان ستة :**

**١ - الإيمان بالله سبحانه وتعالى**

هو الاعتقاد الجازم بوجود الله تعالى ربا وإلها متصفًا بجميع صفات الكمال ومنزه من جميع صفات النقصان. وقال تعالى : قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ أَللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ﴿٣﴾

﴿٤﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿٥﴾

Wujudnya Allah swt itu sabit dengan adanya alam semesta yang terdiri daripada langit, bumi dan makluk seluruhnya. Dialah zat yang sebenar-benarnya disembah, tidak ada seumpamanya sesuatu pun dan Dialah yang maha mendengar dan maha melihat.

#### Sifat-sifat wajib bagi Allah swt:

- |                              |                                  |                      |
|------------------------------|----------------------------------|----------------------|
| 1- Ada                       | 2. Sedia ada                     | 3. Kekal             |
| 4. Tidak sama dengan makhluk | 5. Berdiri Dia dengan sendiriNya | 6. Esa / Tunggal     |
| 7. Berkasa                   | 8. Berkehendak                   | 9. Mengetahui        |
| 10. Hidup                    | 11. Mendengar                    | 12. Melihat          |
| 13. Berkata-kata             | 14. Yang Berkusa                 | 15. Yang Berkehendak |
| 16. Yang Mengetahui          | 17. Yang Hidup                   | 18. Yang Mendengar   |
| 19. Yang Melihat             | 20. Yang Berkata-kata            |                      |

#### Sifat-sifat mustahil bagi Allah swt:

- |                        |                                 |                            |
|------------------------|---------------------------------|----------------------------|
| 1- Tiada               | 2. Baharu                       | 3. Berubah-ubah            |
| 4. Sama dengan makhluk | 5. Berdiri Dia dengan yang lain | 6. Berbilang-bilang        |
| 7. Lemah               | 8. Tidak Berkehendak (terpaksa) | 9. Bodoh                   |
| 10. Mati               | 11. Tuli                        | 12. Buta                   |
| 13. Bisu               | 14. Yang Lemah                  | 15. Yang Tidak Berkehendak |
| 16. Yang Bodoh         | 17. Yang Mati                   | 18. Yang Tuli              |
| 19. Yang Buta          | 20. Yang Bisu                   |                            |

#### 2- Beriman kepada Malaikat

Iaitu kepercayaan yang kukuh bahawa Allah swt menjadikan malaikat daripada cahaya dan mereka itu wujud..

Firman Allah swt:

tetapi Sesungguhnya kebijakan itu ialah beriman kepada Allah, hari Kemudian, malaikat-malaikat,

malaikat bukan seperti manusia. Mereka tidak menderhakai Allah dalam setiap perkara yang diperintahkannya dan mereka melakukan apa yang diperintahkannya.

وَوْجُودُ اللَّهِ تَعَالَى قَدْ ثَبَتْ بِوْجُودِ هَذَا الْكَوْنِ مِنَ السَّمَاوَاتِ، وَالْأَرْضِ، وَالْمَحْلُوقَاتِ كُلُّهَا. وَهُوَ  
الْمَبْعُودُ حَقًا ، لَيْسَ كَمُثْلِهِ شَيْءٌ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

#### الصفات الواجبة لله سبحانه وتعالى

- |                  |               |                 |                     |                 |
|------------------|---------------|-----------------|---------------------|-----------------|
| (١) وجود         | (٢) قدم       | (٣) بقاء        | (٤) مخالفته للحوادث | (٥) قيامه بنفسه |
| (٦) وحدانية      | (٧) قدرة      | (٨) إرادة       | (٩) علم             | (١٠) حي         |
| (١١) سمع         | (١٢) بصر      | (١٣) كلام       | (١٤) كونه قادرًا    | (١٥) كونه مريدا |
| (١٦) كونه عالما  | (١٧) كونه حيا | (١٨) كونه سميعا | (١٩) كونه بصيرا     |                 |
| (٢٠) كونه متكلما |               |                 |                     |                 |

#### الصفات المستحبطة لله سبحانه وتعالى

- |                 |                 |                |                    |                 |
|-----------------|-----------------|----------------|--------------------|-----------------|
| (١) عدم         | (٢) حدوث        | (٣) فناء       | (٤) مثالته للحوادث | (٥) قيامه بغیره |
| (٦) تعدد        | (٧) عجز         | (٨) كراهة      | (٩) جهل            | (١٠) ميت        |
| (١١) صم         | (١٢) عمى        | (١٣) بكم       | (١٤) كونه عاجزا    |                 |
| (١٥) كونه كارها | (١٦) كونه جاهلا | (١٧) كونه ميتا |                    |                 |
| (١٨) كونه أصم   | (١٩) كونه أعمى  | (٢٠) كونه أبكم |                    |                 |

#### ٢- الإيمان بالملائكة

هو الاعتقاد الجازم بأن الله خلق الملائكة من نور وهم موجودون. قال تعالى :

وَلَكِنَّ الْبَرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ سورة البقرة ٢ : ١٧٧

والملائكة ليسوا كالبشر، وهم لا يعصون الله ما أمرهم، ويفعلون ما يؤمرون.

### ٣- الإيمان بالكتب السماوية

هو الاعتقاد الجازم بالكتب التي أنزلها الله على أنبيائه ورسله. قال تعالى :

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّهُمْ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ سورة البقرة ٢٨٥

وهذه الكتب تضمنت المدى والبيانات وطريق الوصول إلى الله سبحانه وتعالى. من تمسك  
و عمل بما فيها، فقد نجا وأفلح في الدنيا والآخرة.

### الكتب المنزلة من الله سبحانه وتعالى

اسم الكتاب	النبي	اسم الكتاب	النبي
١. الزبور	عيسى عليه السلام	٣. الانجيل	داود عليه السلام
٢. التوراة	موسى عليه السلام	٤. القرآن	محمد صلى الله عليه وسلم

### ٤- الإيمان بالأئباء والرسل

هو التصديق بجميع الأنبياء والرسل المبعوثين إلى الناس. قال تعالى : فَقَامُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ

سورة آل عمران ٣: ١٧٩

لا يعلم أحد عددهم وأسماءهم إلا الله. وقد ذكر الله تعالى خمسة وعشرين رسولا في القرآن الكريم.

### ٣. Beriman kepada kitab-kitab yang turun dari langit

Iaitu kepercayaan yang kukuh dengan kitab-kitab yang diturunkan Allah swt kepada para nabi dan rasulnya..

Firman Allah swt:

285. Rasul Telah beriman kepada Al Quran yang diturunkan kepadanya dari Tuhan, demikian pula orang-orang yang beriman. semuanya beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya. (mereka mengatakan): "Kami tidak membeda-bedakan antara seseorangpun (dengan yang lain) dari rasul-rasul-Nya"

Kitab-kitab ini mengandungi petunjuk , keterangan dan jalan/cara untuk sampai kepada Alla swt. Sesiapa yang berpegang dan beramal dengannya maka dia telah Berjaya dan bahagia di dunia dan akhirat.

#### Kitab yang diturunkan daripada Allah swt

Nama kitab	Nama nabi	Nama kitab	Nama nabi
1. Zabur	Daud a.s	3. Injil	Isa a.s
2. Taurat	Musa a.s	4. al Quran	Muhammad saw

### ٤. Beriman kepada nabi-nabi dan rasul-rasul.

Iaitu membenarkan semua nabi dan rasul yang diutuskan kepada manusia.

Firman Allah swt : "Karena itu berimanlah kepada Allah dan rasul-rasulNya".

Tidak ada seorang pun yang mengetahui bilangan nabi dan rasul dan nama-nama mereka kecuali Allah swt. Dan Allah swt telah menyebut 25 rasul di dalam al Quran karim.

## Para rasul yang disebut di dalam al Quran

1. Adam	2. Idris	3. Nuh	4. Hud	5. Soleh
6. Ibrahim	7. Lut	8. Ismail	9. Ishak	10. Yaakub
11. Yusuf	12. Ayub	13. Syuaib	14. Musa	15. Harun
16. Zulkifli	17. Daud	18. Sulaiman	19.Ilyas	20.Ilyasa'
21. Yunus	22. Zakaria	23. Yahya	24. Isa	25. Muhammad

## Perbezaan antara nabi dan rasul

<b>Nabi</b>	Manusia, lelaki, merdeka daripada keturunan nabi Adam a.s, sejahtera kejadiannya daripada perkara yang menyebabkan ianya dijauhi oleh manusia lain dan diwahyukan kepadanya dengan syariat untuk diamalkan
<b>Rasul</b>	Manusia, lelaki, merdeka daripada keturunan nabi Adam a.s, sejahtera kejadiannya daripada perkara yang menyebabkan ianya dijauhi oleh manusia lain dan diwahyukan kepadanya dengan syariat dan diperintah menyampaikannya

Berdasarkan pengertian di atas maka setiap rasul itu adalah nabi dan bukanlah setiap nabi itu rasul.

## 5- Beriman dengan hari akhirat

Iaitu membenarkan setiap perkara yang diberitahu oleh Allah swt dan rasulNya daripada perkara yang akan berlaku selepas kematian. Perkara ini mereangkumi alam barzah, hari kebangkitan (selepas kematian), hari perhimpunan (di padang Mahsyar), hari perhitungan (pengadilan) dan lain-lain lagi.

Firman Allah swt : "Sesungguhnya hari kiamat pasti akan datang, tidak ada keraguan tentangnya".

٥. صالح	٤. هود	٣. نوح	٢. إدريس	١. آدم
١٠. يعقوب	٩. إسحاق	٨. إسماعيل	٧. لوط	٦. إبراهيم
١٥. هارون	١٤. موسى	١٣. شعيب	١٢. أیوب	١١. يوسف
٢٠. إلياس	١٩. سليمان	١٨. داود	١٧. ذو الكفل	
٢٥. محمد ﷺ	٢٤. عيسى	٢٣. يحيى	٢٢. زكريا	٢١. يونس

## الفرق بين النبي والرسول

النبي	إنسان ذكر حر من بنى آدم سليم عن منفر طبعاً أوحى إليه بشعر ي العمل به
الرسول	إنسان ذكر حر من بنى آدم سليم عن منفر طبعاً أوحى إليه بشعر ويؤمر بتبلیغه

وعلى هذا، فكل رسول نبي، وليس كل نبي رسولاً.

## ٥- الإيمان باليوم الآخر

هو التصديق بكل ما أخبرنا به الله ورسوله ما يكون بعد الموت. وهذا يشمل عالم البرزخ، والبعث، والحضر، والحساب، وغيرها. قال تعالى : إِنَّ الْسَّاعَةَ لَأَتِيهَا لَا رَيْبَ فِيهَا سورة غافر/ المؤمن ٤٠:٥٩

## ٦ - الإيمان بالقدر خير وشره

هو الإيمان بأن كل ما في الوجود من خير وشر، فهو بتقدير الله تعالى. قال تعالى : إِنَّ كُلَّ

شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدْرٍ سورة القمر ٥٤: ٤٩

فإن أعمال العباد من خير هي بتقدير الله تعالى، ومحبته، ورضاه. وأما أعمالهم من شر، فهي كذلك بتقدير الله تعالى، ولكن ليست بمحبته، ولا رضاه.

### زيادة الإيمان ونقصانه

أما الأدلة من القرآن والسنة وأقوال السلف على زيادة الإيمان ونقصانه، فهي كالآتية:

#### الدليل من القرآن :

قال الله تعالى في أول سورة الأنفال :

وَإِذَا تُلِيَتِ الْأَيْمَنَةُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا سورة الأنفال ٨ : ٢

#### الدليل من السنة :

حديث أنس رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: لا يؤمن أحدكم حتى يحب لأنحصاره ما يحب لنفسه. رواه البخاري

فنفي كمال الإيمان عن المؤمن إذا لم يحب أحد المسلمين كما يحب لنفسه. وهذا الحديث يدل على أن إيمان أحد يقبل الزيادة والنقصان.

\* ينبغي على المسلم أن يجتهد في التفقه في الدين

\* مرافقة العلماء وذكر الموت ويومبعث تصون الإيمان عن ما يفسده.

## 6- Beriman dengan Qadar (ketentuan Allah swt) yang baik dan buruknya

Iaitu beriman bahawa setiap perkara yang ada ini iaitu baik dan buruk, ianya mengikut ketentuan Allah swt.

Firman Allah swt: "Sesungguhnya kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran"

Setiap perbuatan hamba yang baik itu ialah dengan ketentuan Allah swt, kasihNya dan keredhaanNya. Manakala perbuatan hamba yang buruk juga dengan ketentuan Allah swt tetapi bukan dengan kasihNya dan bukan juga dengan keredhaanNya.

### Iman bertambah dan berkurangan

Dalil daripada al Quran, hadis dan kata-kata goloangan salaf tentang iman itu bertambah dan berkurangan adalah seperti berikut:

#### Dalil daripada al Quran

Firman Allah swt di awal surah al Anfal :

"Orang beriman apabila dibacakan ayat-ayatnya bertambahlah iman mereka"

#### Dalil daripada hadis :

Hadis Anas r.a daripada nabi saw bersabda : "Tidak beriman (dengan keimanan yang sempurna) seseorang kamu sehingga kamu kasih / suka kepada saudara kamu seperti mana kamu suka untuk diri kamu sendiri".

Hadis riwayat Bukhari.

Penafian iman pada orang mukmin ini apabila ia tidak mengasihi saudara seagama sebagaimana ia kasih kepada dirinya sendiri. Hadis ini menunjukkan bahawa iman seseorang itu boleh bertambah dan berkurangan.

\* Orang Islam perlu berusaha memahami / mendalami ilmu agama.

\* bersama ulamak dan mengingati kematian dan hari kebangkitan akan memelihara iman daripada perkara yang merosakkannya.

### Pendapat golongan salaf dalam masalah ini:

Daripada Umair bin Habib bi Khumasah, beliau berkata: "Iman itu bertambah dan berkurangan". Ditanya kepada beliau: "Apakah perkara yang menambahkan iman dan perkara yang mengurangkannya?". Beliau menjawab: "Apabila kita mengingatiNya dan takut padaNya maka itulah bertambahnya iman. Apabila kita lupa dan mengabaikannya itulah mengurangkannya". Riwayat Ibnu Abu Syaibah.

قول السلف في ذلك:

عن عمير بن حبيب بن خماسة، أنه قال: الإيمان يزيد وينقص. قيل له: وما زيادته، وما نقصانه؟ قال: إذا ذكرناه، وخشيناه، فذلك زيادة. وإذا غفلنا، ونسينا، وضيعنا، فذلك نقصانه. رواه ابن أبي شيبة

SEBAB MENAMBAHKAN IMAN	SEBAB MENAMBAHKAN IMAN
1. Mempelajari ilmu	1. Jahil
2. Membaca al Quran dengan penuh perhatian dan pemahaman	2. Lupa
3. mengenali nama-nama Allah yang mulia dan sifat-sifatNya yang maha tinggi	3. berpaling dari kebenaran dan lupa pada Allah
4. menghayati sejarah hidup nabi saw	4. melakukan maksiat
5. menghayati sejarah kehidupan golongan salaf.	5. Hasad dengki

أسباب نقصان الإيمان	أسباب زيادة الإيمان
١ - الجهل	١ - تعلم العلم
٢ - العَقْلَة	٢ - قراءة القرآن بالتدبر والتفهم
٣ - الإعراض والنُّسُيَان	٣ - معرفة أسماء الله الحسنى وصفاته العلى
٤ - ارتكاب المعاصي	٤ - تأمل سيرة النبي صلى الله عليه وسلم
٥ - الحسد	٥ - تأمل سيرة السلف الصالح

### Perkara yang merosakkan iman

- 1- Menyekutukan Allah
- 2- Mengingkari risalah nabi Muhammad saw
- 3- Tidak beriman dengan perkara ghaib
- 4- Meninggalkan ibadat sebagaimana yang diperintahkan Allah kepada hamba-hambaNya kerana mengingkarinya.

الأمور التي تفسد الإيمان

- ١ - الشرك بالله
- ٢ - الإنكار برسالة سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم.
- ٣ - عدم الإيمان بأمور الغيبيات.
- ٤ - ترك العبادة كما أمر بها الله لعباده جحودا وإنكارا لها

\* Hakikat iman pada syarak terdiri daripada kata-kata dan amalan.

Kata-kata it terbahagi dua:

- 1- kata-kata hati iaitu i'tikad (kepercayaan) dan
- 2- kata-kata lidah iaitu bercakap dengan ucapan Islam.

Perbuatan terbahagi dua:

- 1- perbuatan hati iaitu niat dan ikhlas dan
- 2- perbuatan anggota badan.

Apabila hilang keempat-empat perkara ini maka hilanglah keseluruhan iman.

\* Soalan : Apakah hasil daripada iman ?

Jawapan : Antara hasil iman ialah apabila ia di atas ketaatan maka ia akan memanggil perkara (kebaikan) lain kepadanya. Perkara tersebut berlaku dengan cara Allah menerangkan dadnya dan memudahkan urusannya dan menjadikannya punca mendapat taufiq untuk melakukan perkara (kebaikan) yang lain.

\* إن حقيقة الإيمان الشرعي مركبة من قول وعمل، والقول قسمان: قول القلب وهو الاعتقاد، وقول اللسان وهو التكلم بكلمة الإسلام. والعمل قسمان: عمل القلب وهو النية والإخلاص، وعمل الجوارح. فإذا زالت هذه الأربعة معاً، زال الإيمان بكماله.

\* سـ - ما هي ثمرات الإيمان، يا أستاذ؟

جـ - من ثمراته: أنه إذا كان على طاعة، دعته أخرى إليها. وذلك بأن يشرح الله صدره، وييسر أمره، ويكون سبباً للتوفيق لعمل آخر.

Pelajaran keempat

**HAKIKAT ISLAM**

Hakikat Islam dari sudut bahasa ialah menyerah diri dan patuh

Hakikat Islam dari sudut istilah pula ialah kepatuhan zahir kepada apa yang dibawa oleh nabi saw daripada perkara-perkara asas agama.

**Perbendaharaan kata:**

(الاستسلام) menyerah diri kepada Allah swt : tunduk dan patuh secara mutlak kepada kehendak Allah swt

(مسلم) menjadi seorang muslim

(الانقياد) patuh

(مسلم) orang yang menerima risalah nabi Muhammad saw dan tunduk patuh kepadanya.

\* Al Quran memimpin manusia kepada kebahagian dan kesejahteraan

**Rukun Islam**

Rukun Islam ada lima:

1- (mengucap) dua kalimah syahadah : “Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah pesuruh Allah”.

Dua kalimah syahadah ialah pengakuan bahawa tidak ada di sana tuhan yang ada kecuali Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah yang diutuskan kepada manusia khusus dari Allah swt.

Nas kalimah persaksian ini ialah “Aku bersaksi bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Muhammad itu adalah pesuruh Allah”.

Nas ini sentiasa dibaca oleh orang Islam setiap hari di dalam solat dan ianya adalah kunci utama bagi orang non muslim untuk memeluk Islam.

**حقيقة الإسلام**

**حقيقة الإسلام** لغة: الاستسلام والإذعان

اصطلاحاً : الانقياد الظاهري لما جاء به النبي صلى الله عليه وسلم مما عُلِّمَ من الدين  
بالضرورة

**معاني المفردات**

**الاستسلام** : استسلم لله : خضع خضوعاً مطلقاً لإرادته

**مسلم**, إسلاماً : أصبح مسلماً

**الانقياد**: الامتثال

**مسلم**: من قبل رسالة محمد صلى الله عليه وسلم و خضع لها.

\* إن القرآن يقود الإنسان إلى السعادة والسلامة.

**أركان الإسلام**

**أركان الإسلام خمسة**:

١ - الشهادتان : أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمداً رسول الله

الشهادتان هما الإعلان بأن ليس هناك إله في الوجود إلا الله، وأن محمداً رسول للناس

من الله. نصُّ الشهادة هو: أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمداً رسول الله.

وهذا النص يقال يومياً في صلاة المسلمين، وهو أيضاً المفتاح الرئيسي لدخول شخص غير مسلم في الإسلام.

\* Saudaraku sekalian sentiasalah nasihat menasihati sesama Islam dan bergaulah dengan ulamak.

\* Anda perlu memperbanyakkan amalan kebaikan dan berdoalah kepada Allah swt.

## 2- Mendirikan Solat

Solat adalah rukun kedua daripada rukun-rukun Islam kerana sabda nabi saw : Islam dibina di atas lima asas: Pengakuan bahawa tidak ada tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu adalah pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji dan puasa di bulan Ramadhan". Hadis riwayat Bukhari daripada Ibnu Umar.

Solat itu wajib ke atas setiap muslim yang baligh (sampai umur dipertanggungjawabkan) sama ada lelaki atau perempuan.

## 3- Menunaikan Zakat

Zakat ialah ibadat berbentuk harta yang difardukan Allah ke atas orang Islam dengan syarat tertentu. Zakat menyucikan jiwa orang Islam daripada sifat kedekut dan kesalahan. Allah swt menyebut dalam al Quran:

"Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka".

### Jenis-jenis zakat:

- 1- **Zakat harta** : iaitu emas dan perak, tanaman dan buah-buahan, perniagaan dan ternakan.
- 2- **Zakat fitrah** : ianya ditunaikan bermula dari awal bulan Ramadhan.

\* أَيُّهَا الْإِخْرَوْهُ وَدَامَ اللَّهُ فَضْلَكُمْ، التَّزَمُوا بِالْتَّذْكِرَةِ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُعَامَلَةُ مَعَ الْعُلَمَاءِ.  
\* وَعَلَيْكُمْ بِالْإِكْثَارِ مِنْ أَعْمَالِ الْخَيْرِ وَالدُّعَاءِ إِلَى اللَّهِ سَبَحَنَهُ وَتَعَالَى.

## ٢ - إِقَامَةِ الصَّلَاةِ

الصلوة هي الركن الثاني من أركان الإسلام لقول النبي صلى الله عليه وسلم: بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمدا رسول الله؛ وإقام الصلاة؛ وإيتاء الزكاة؛ والحج؛ وصوم رمضان. رواه البخاري عن ابن عمر والصلوة واجبة على كل مسلم، بالغ، عاقل، ذكرا كان أو أنثى

## ٣ - إِيَّاتِيَّةِ الزَّكَاةِ

الزكوة عبادة مالية فرضها الله على المسلمين بشروط معينة. والزكوة تطهر نفوسهم من البخل، وصحائفهم من الخطايا. وقد ذكر الله سبحانه وتعالى في كتابه:

حُذِّرَ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُرْكِيمِهِمْ هَـا سورة التوبه ٩: ١٠٣

## أَنْوَاعُ الزَّكَاةِ

- ١- **زَكَاةُ الْأَمْوَالِ**: وهي الذهب والفضة، والزروع والشمار، والتجارة، والأنعام.
- ٢- **زَكَاةُ الْفَطْرِ**: وهي التي تؤدى من أول شهر رمضان.

#### 4- Puasa

Apa itu puasa? Puasa itu ialah puasa Ramadhan. Bulan ramadhan dianggap masa yang mulia, perkara ketaatan banyak dilakukan di dalamnya. Ianya adalah bulan keberkatan yang turunnya rahmat. Setiap hamba memperbarui janjinya dengan Allah dan mendampingiNya dengan perkara ketaatan sebagaimana firman Allah swt :

“Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa”.

#### ٤- الصوم

ما الصيام؟ هو صيام شهر رمضان. ويعتبر رمضان موسمًا عظيمًا تكثر فيه الطاعات. وهو شهر مباركٌ تتنزل فيه الرحمة، ويجدد فيه العبد عهده مع الله، ويقترب إليه بالطاعات، كما قال تعالى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ سورة البقرة ٢: ١٨٣

#### 5- Ibadat Haji di Baitullah bagi orang yang mampu melaksanakannya.

Haji ialah menziarahi masjid al Haram di Mekah al Mukarramah dan menunaikan ibadat haji. Ibadat ini wajib ke atas setiap muslim yang baligh dan mampu menanggung bebanan haji.

Firman Allah swt :

“Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang mampu menyediakan keperluan perjalanan ke Baitullah”

Sesungguhnya Allah menwajibkan ibadat haji adalah untuk menyucikan jiwa, mendidiknya kepada erti penghambaan, ketaatan dan kesabaran, lebih-lebih lagi ianya adalah peluang yang hebat untuk pengampunan dosa.

#### Hasil daripada iman

- 1- Hakikat iman ialah memberikan dan kepatuhan dalaman dan hakikat Islam pula ialah mengikut dan mematuhi secara zahir.
- 2- Perkara keimanan ialah membenarkan perkara-perkara seperti membenarkan kewujudan Allah dan perkara Islam ialah mematuhi perkara-perkara seperti mematuhi dengan melakukan solat.
- 3- Iman dan Islam adalah dua perkara yang saling berkaitan dari segi syara'. Iman tidak diterima kecuali dengan Islam sebagaimana Islam tidak diterima kecuali dengan iman.

#### ٥- حجُّ الْبَيْتِ لِمَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

الحج هو زيارة المسجد الحرام بمكة المكرمة وأداء مناسك الحج. هذه العبادة واجبة على كل مسلم بالغ، قادر على تحمل تكاليف الحج. قال تعالى: وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ

آسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا سورة آل عمران ٣: ٩٧

لقد فرض الله الحج لتزكية النفوس، وتربيه لها على معاني العبودية والطاعة والصبر، فضلا على أنه فرصة عظيمة لکفارة الذنب.

#### ثمرات الإيمان

- ١- حقيقة الإيمان تصدق وإذعان باطئٌ وحقيقة الإسلام انقياد وامتثالٌ ظاهريٌّ.
- ٢- أفراد الإيمان تصدیقات كالتصدیق بوجود الله وأفراد الإسلام انقيادات كالانقياد بفعل الصلاة.
- ٣- الإيمان والإسلام متلازمان شرعاً، فالإيمان لا يقبل إلا بالإسلام كما أن الإسلام لا يقبل إلا بالإيمان.

## Hasil keimanan

- 1- Pernyataan bertambah dan berkurangnya iman adalah berdasarkan amalan. Seseorang itu meningkat kedudukannya kepada martabat iman dan ihsan dengan melakukan perintah-perintah Allah swt dan meninggalkan larangan /tegahanNya.
- 2- Perbezaan antara Islam secara hukmi (gelaran) dan Islam sebenar. Islam gelaran /sekadar nama sahaja ialah apa yang dizahirkan oleh keislamannya sama ada benar atau salah tetapi ianya tidak dinamakan iman atau Islam sebenar yang menepati iman yang wajib.
- 3- Dihukumkan seseorang itu dengan Islam secara hukmi dengan pengakuannya sahaja, tetapi ianya tidak diberi nama seorang mukmin (orang yang beriman) kecuali setelah iala menghimpunkan antara kata-kata (syahadah) dan perbuatan (melakukan perintah Allah dan meninggalkan laranganNya).

## ثمرات الإيمان

- ١ - تقرير الزيادة والنقصان للإيمان بحسب الأعمال. فالماء يرتفع إلى مرتبة الإيمان والإحسان بامتثال أوامر الله وترك نواهيه.
- ٢ - التفريق بين الإسلام الحكمي والإسلام الحقيقي. يطلق الإسلام الحكمي على ما أظهر إسلامه صادقاً أو كاذباً. لكن لا يطلق عليه اسم الإيمان أو الإسلام الحقيقي الذي يوافق الإيمان الواجب.
- ٣ - يحكم على المرء بالإسلام الحكمي بمجرد إقراره. لكن، لا يعطي اسم المؤمن له إلا إذا جمع بين القول والعمل.

## HAKIKAT IHSAN

**Hakikat Ihsan** dari sudut **bahasa** : perkataan “Ihsan” ialah lawan bagi perkataan “menyakiti”. Ia adalah kata terbitan daripada kata kerja “ahsana”, maksudnya melakukan kebaikan.

**Hakikat Ihsan** dari sudut **istilah** ialah seseorang itu menyembah Allah swt seolah-olah ia melihatNya. Sekiranya ia tidak dapat melihat Allah swt maka seseungguhnya Allah swt melihatnya. dia bersungguh melaksanakan hak Allah swt dengan mengikut petunjuk dan melakukannya dengan sempurna.

### Perbendaharaan kata

(الإِسَاعَةُ ) melakukan keburukan sama ada dengan kata-kata atau perbuatan

(النَّصْحُ ) petunjuk

melakukan perkara kebaikan (أَحْسَنَ)

mencantikkan dan menghiasi (تَحْسِنُ )

orang yang melakukan amalan kebaikan (مُحْسِنٌ)

### Dalil naqli (al Quran dan hadis) tentang hakikat ihsan

#### Dalil daripada al Quran

Firman Allah swt:

“Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keridhaan) kami, benar-benar akan kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami. dan Sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik”.

#### Dalil daripada hadis

Nabi saw telah menjelaskan tentang ihsan dalam hadis Jibril a.s yang terkenal ketika Jibril bertanya kepada baginda tentang ihsan. Baginda menjawab: “Kamu menyembah Allah swt seolah-olah kamu melihatNya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat Allah swt maka seseungguhnya Allah swt melihatnya”. Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

## حقيقة الإحسان

حقيقة الإحسان لغة: الإحسان ضد الإساءة. مصدر أَحْسَنَ أي جاء بفعلٍ حسنٍ. اصطلاحاً : بأن يعبد الله كأنه يراه، فإن لم يكن يراه، فإن الله يراه. وهو الجد في القيام بحقوق الله على وجه الصح، والتكامل لها.

### معاني المفردات

الإِسَاعَةُ : أتى بالقبيح من قول أو فعل

النَّصْحُ : الإرشاد

أَحْسَنَ ، إحساناً : فعل ما هو خير

تَحْسِنُ ، تحسناً : تحمل وتنزيّن

مُحْسِنٌ : من قام بأعمال خيرية

### الدليل النقلي على حقيقة الإحسان

#### الدليل من القرآن الكريم

قال الله تعالى: وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَهُدِّيَّنَاهُمْ سُبُّلًا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

سورة العنكبوت ٢٩ : ٦٩

#### الدليل من السنة

وقد أوضح صلى الله عليه وسلم الإحسان في حديث جبريل عليه السلام المشهور حين سأله عنه، فقال: أن تعبد الله كأنك تراه. فإن لم تكن تراه، فإنه يراك. رواه البخاري ومسلم

## العلاقة بين الإيمان والإسلام والإحسان

### Hubungan antara iman , Islam dan ihsan

- 1- Iman berkait dengan perkara batin yang ghaib (tidak dapat diketahui oleh pancaindera yang lima).
- 2- Islam berkait dengan melakukan perbuatan zahir.
- 3- Ihsan berkait dengan pemerhatian Allah sama ada ketika sembunyi atau nyata
- 4- Apabila hanya disebut Islam maka termasuklah di dalamnya iman. Apabila hanya disebut Iman maka termasuklah di dalamnya Islam. Apabila hanya disebut Ihsan maka termasuklah di dalamnya Islam dan iman.

\* Ihsan akan melahirkan tauhid dan menjauhkan segala dosa dan dosa besar. Ianya merangkumi semua perkara sedangkan ia adalah satu perkataan yang lengkap yang boleh kita laksanakan dalam setiap aspek kehidupan kita. Ihsan adalah darjah iman yang paling tinggi.

- ١ - الإيمان يتعلق بالأمور الباطنة الغيبية.
- ٢ - الإسلام يتعلق بامثال الأعمال الظاهرة.
- ٣ - الإحسان يتعلق بمراقبة الله في السر والعلانية.
- ٤ - إذا انفرد الإسلام بالذكر، دخل فيه معنى الإيمان. وإذا انفرد الإيمان بالذكر، دخل فيه معنى الإحسان. وإذا انفرد الإحسان بالذكر، دخل فيه معنى الإسلام والإيمان.

\* إن الإحسان يتحقق التوحيد ويتجنب الذنب والكبائر. وهو يشمل كل شيء مع أنه كلمة شاملة يمكننا أن نحققها في كل جوانب حياتنا. والإحسان أعلى درجات الإيمان.

## HUKUM AKAL

Hukum akal ialah menyatakan sesuatu perkara bagi sesuatu yang lain atau menafikan sesuatu daripada perkara tersebut.

Contoh isbat seperti menyatakan sifat ada dan sedia ada bagi Allah swt.

Contoh nafi seperti menafikan sifat baharu bagi Allah swt

Dalil daripada al Quran yang menunjukkan bahawa Allah swt menunjuk kita supaya menggunakan akal fikiran:

Firman Allah swt: “Maka Tidakkah mereka bepergian di muka bumi lalu melihat bagaimana kesudahan orang-orang sebelum mereka (yang mendustakan rasul) dan Sesungguhnya kampung akhirat adalah lebih baik bagi orang-orang yang bertakwa. Maka Tidakkah kamu memikirkannya?”.

### Perbendaharaan kata

(الإثبات) mengukuhkannya, menjadikannya ada

(الحدوث) ada sesuatu selepas tiadanya

(مناط) tempat bergantung

(قُدُّم) berlalu kewujudannya dalam masa yang lama

(القدِيم) antara sifat-sifat Allah swt

### Kedudukan akal dalam mengenal Allah swt

#### Perkara pertama:

makhluq yang tidak berakal tidak mendapat kemuliaan taklif (tanggungjawab) daripada Allah swt, kerana taklif tidak berlaku kecuali untuk orang yang boleh menperolehi ilmu kebenaran, beramal dengannya dan mengetahui kebatilan dan meninggalkannya. Perkara ini tidak berlaku kecuali di kalangan orang yang berakal. Kerana itulah anda akan dapati ulamak Islam menyebut dalam buku-buku mereka sama ada perkara usul atau furu': “antara syarat utama taklif (tanggungjawab) ialah berakal, maka tidak ditaklifkan (dipertanggungjawabkan) kepada yang tidak berakal.”

#### Perkara kedua:

Akal ialah salah satu daripada lima perkara asas yang perlu dipelihara.

Kehidupan di dunia ini tidak stabil dan harmoni tanpa memeliharanya, iaitu: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

## الحكم العقلي

**الحكم العقلي:** هو إثبات أمر لأمر أو نفيه عنه، مثال الإثبات: كإثبات الوجود والقدم لله تعالى، ومثال النفي: كنفي الحدوث عن الله تعالى.

والدليل من القرآن يدل على أن الله سبحانه وتعالى يرشدنا إلى استخدام العقل:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَيَنْظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَنْقِبَةُ الَّذِينَ مِنْ قَاتِلِهِمْ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ

حَيْرُ لِلَّذِينَ أَنَّقُوا أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿١٢﴾ سورة يوسف ١٢ :

## معاني المفردات

**الإثبات:** أكده، جعله ثابتًا

**مناط:** موضع التعليق

**القديم:** من صفات الله سبحانه وتعالى

## منزلة العقل في معرفة الله

**الأمر الأول:** إن غير العاقل لا ينال شرف التكليف من الله تعالى، لأن التكليف لا يكون إلا من أمكنه علم الحق، والعمل به ومعرفة الباطل وتركه. وهذا لا يمكن إلا من أهل العقول. ولهذا، تحد علماء الإسلام يذكرون في كتبهم أصولاً كانت أو فروعاً: أن من أهم شروط التكليف: العقل، فلا يكلف غير العاقل.

**الأمر الثاني:** العقل هو إحدى الضروريات الخمس التي يجب حفظها.

والحياة في الأرض لا تكون مستقرة ولا قائمة بدون حفظها، وهي : الدين والنفس والعقل والنسل والمال.

### Perkara ketiga :

Akal adalah tempat menerima bukti-bukti yang jelas daripada Allah swt.

Allah mengutuskan para rasul dan menurunkan kitab-kitabNya untuk disampaikan kepada manusia agamaNya yang benar, menerangkan kepada mereka dengan hujah dan bukti-bukti. Apa yang menyalahinya adalah batil, akal-akal ini bergantung dengan hujah-hujah tersebut akan menerima secara terbuka bahawa Allah adalah benar dan ianya adalah petunjuk dan panduan. Ianya mendatangkan kebaikan kepada mereka di dunia dan akhirat. Ianya juga memelihara mereka daripada kerosakan di dunia dan akhirat.

\* Kita perlu berfikir pada tanda-tanda Allah di alam ini, kita menghayati Al Quran dan kandungannya iaitu pengertian, tujuan agama, segala perintah dan larangannya, seperti mana Allah swt : "Maka apakah mereka tidak memperhatikan Al Quran ataukah hati mereka terkunci?"

### Bahagian Hukum Akal

Hukum Akal terbahagi kepada tiga bahagian : Wajib, Mustahil dan Harus

#### Wajib

**Wajib** ialah sesuatu yang tidak tergambar tiadanya, seperti : Zat Allah dan Sifat-sifatNya.

Akal memutuskan adanya sesuatu itu dan tidak menerima tiadanya.

Setiap sesuatu yang diputuskan / ditetapkan adanya dan tidak menerima tiadanya maka ia adalah wajib akli (wajib pada akal)

#### Mustahil

**Mustahil** ialah sesuatu yang tidak tergambar pada akal adanya, seperti : Sekutu bagi Allah swt.

Ulamak mengibaratkannya dengan mumtani' (perkara yang tidak dapat diterima). Setiap perkara yang tidak harus bagi Allah swt maka ia adalah mustahil akli (mustahil pada akal).

الأمر الثالث : العقل هو موضع التسليم للدلائل من الله سبحانه وتعالى.

أرسل الله تعالى رسالته وأنزل كتبه لإبلاغ الناس دينه الحق، مبينا لهم بحججه وببراهينه، وأن ما خالفه باطل، ملحوظاً تلك العقول بتلك الحجج والبراهين إلى التسليم الاختياري بأن دين الله حق وأنه المهدى والرشاد، وأنه جالب لصالحهم في الدارين، واقِ لهم من المفاسد فيهما.

\* وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنْبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَنُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴿٣٦﴾

سورة النساء : ٣٦

## ٢ - معانى الكلمات المختارة

**واعبدوا الله** : العبادة: الخضوع لله والاستسلام له سرا وعلنا

**وباللودين احسنا** : أى البر بهما بخدمتهما

**وبذى القربى** : صاحب القرابة من أخ وعم وخال وأولادهم

**والجار ذى القربى** : الجار القريب الجوار أو النسب

**والجارى الجنب** : هو بعيد عنك في الجوار أو النسب

**والصاحب بالجنب** : الرفيق في السفر

**وابن السبيل** : المنقطع في سفره

**وما ملكت أيمنكم** : من العبيد والاماء

**مختالا** : ذو الحيلاء والكبر

**فخورا** : هو الذى يتفاخر على الناس بتعداد محسنة تعاظما

### ٣ - شرح الآية إجمالاً

يدعو الله إلى توحيده، وطاعته، وعدم الشرك به، وهو حقه تعالى على العباد. ثم أوصى الله تعالى الإنسان ببر الوالدين بالإحسان إليهما، وإلى الأقارب، واليتامى، والمساكين، والجار من صاحب القرابة، والجار بعيد الذي ليس بينك وبينه صلة القرابة، والرفيق في السفر، والضيف، والمسافر الذي انقطع به الطريق. والله لا يحب من كان متكبراً بما لديه، وفخوراً بإحسانه.

### ٤ - حقوق الله الواجبة على العباد

وفي حديث معاذ، قال: كُنْتُ رَدْفَ النَّبِيِّ ﷺ عَلَى حِمَارٍ يُقَالُ لَهُ عَفِيرٌ. فَقَالَ «يَا مُعَاذُ هَلْ تَدْرِي مَا حَقُّ اللَّهِ عَلَى عِبَادِهِ وَمَا حَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ؟». قُلْتُ: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ. قَالَ: «فَإِنَّ حَقَّ اللَّهِ عَلَى الْعِبَادِ أَنْ يَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا يُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا. وَحَقُّ الْعِبَادِ عَلَى اللَّهِ أَنْ لَا يُعَذَّبَ مَنْ لَا يُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا». قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَفَلَا أُبَشِّرُ النَّاسَ؟. قَالَ: «لَا تُبَشِّرْهُمْ، فَيَنَكِلُوا

### حقوق الله الواجبة على العباد :

- عبادة الله وحده

- عدم الشرك به شيئاً

- الإخلاص في العبادة

### ٥ - بر الوالدين والإحسان إليهما

وقد جعل الله للوالدين منزلة عظيمة لا تعادلها منزلة. وقد دعا الإسلام المسلم إلى البر بالوالدين والإحسان إليهما، وذكره بعد الأمر بعبادته وحده.

### ٣ - Huraian Ayat Secara Umum

Allah swt menyeru agar mentauhidkannya, tidak menyekutukanNya dengan perkara lain. Ini adalah hak Allah swt bagi hamba-hambaNya. Kemudian Allah menyuruh manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapa, saudara-mara, anak-anak yatim, orang miskin, dan jiran ada hubungan persaudaraan, jiran yang jauh yang tidak ada hubungan persaudaraan dengan kamu, teman dalam perjalanan, tetamu, pengembara yang terputus bekalan. Allah swt tidak suka orang yang sompong dengan apa yang dimilikinya dan berbangga-bangga dengan kebaikannya.

### ٤ - Hak Tuhan yang wajid dilaksanakan oleh hamba-hambaNya

Dalam hadis Muaz, beliau berkata: Aku menunggang keldai dibelakang Nabi saw yang diberi nama 'Afir. Baginda berkata: Wahai Muaz, adakah kamu tahu hak-hak Allah atas hambaNya dan apa hak hamba atas Allah? Aku menjawab: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Baginda berkata: "Hak Allah atas hamba-Nya adalah bahawa mereka menyembah Dia saja dan tidak menyekutukannya dengan sesuatu. Hak hamba atas Allah, bahawa Dia tidak akan menyeka orang yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu. Aku bertanya: Wahai Rasulullah, Bolehkah aku sampaikan berita gembira ini kepada orang lain?. Baginda berkata: Jangan beritahu mereka, nanti mereka akan malas beramal.

### Hak Allah yang wajib ditunaikan oleh setiap hamba:

- Ibadat kepada Allah swt sahaja
- Tidak menyekutukanNya dengan sesuatu
- ikhlas (ketulusan hati) dalam ibadah

### ٥ - Menghormati ibu bapa dan berbuat baik kepada mereka

Allah telah mejadikan kedudukan yang mulia bagi ibu bapa yang tiada tandingannya. Islam mengajak orang Islam agar berbuat baik kepada ibu bapa, melayan mereka dengan baik. Allah swt menyebut perkara ini selepas perintah beribadah kepadaNya sahaja.

Berbuat baik kepada ibu bapa, melayan mereka dengan baik adalah kewajipan yang besar (boleh dilakukan dengan) apa cara yang sekalipun:

- Tunjukkan kesempitan mereka
- Tidak merasa meluat/jemu
- Mendengar apabila mereka bercakap
- Bercakap dengan mereka dengan penuh beradab dan hormat
- Memberi kebaikan kepada mereka dengan tenaga dan harta
- Membantu mereka
- Menghormati mereka
- Menzahirkan kasih sayang
- Metaati mereka

#### **6 – Layanan yang baik terhadap anak-anak yatim, orang miskin, jiran, orang musafir dan hamba**

Begitulah berbagai bentuk kebaikan untuk golongan yang memerlukan, maka kebaikan itu adalah untuk saudara-mara dengan berbuat baik, belas kasihan, berlemah lembut terhadap mereka dengan perkataan dan perbuatan yang baik.

- **Anak yatim** : Menjaga hak, mendidik dan mengajar dan tidak mengasari mereka
- **Orang Miskin** : mengisi kelaparan mereka dan menutup aurat mereka dan menggalakkan agar memberi makan kepada mereka dan menghindari daripada menyusahkan dan menyakiti mereka.
- **Jiran** : memberi Layanan yang baik, bersabar dengan kerentahan jiran dan membantu mereka
- **orang yang terputus bekalan dalam perjalannya** : dengan menunaikan keperluan mereka, menampung kekurangan mereka, memelihara kehormatan mereka, memberi nasihat dan membimbangi mereka
- **Hamba sahaya** : dengan berlemah lembut dengan kata-kata, layanan baik disamping menyuruh kepada Kebaikan dan mencegahan Maksiat, mengembalikan hak-hak mereka dan meninggalkan dari menyakiti mereka

البر بالوالدين والإحسان إليهما فرض عظيم بكل وسيلة ممكنة:

- إظهار الصدق منها
- عدم التضجر
- الإنصات إليهما عندما يتحدثان
- الكلام معهما بكل أدب وتقدير
- تقديم الخيرات لهم بالجهد والمال
- مساعدتهم
- الاحترام لهم
- إظهار الحب
- طاعتهم

#### **٦ - حسن التعامل مع اليتامي والمساكين والجيران وابن السبيل والرقب**

وهكذا يتتنوع الإحسان للمحتاجين فهو للأقارب ببرهم والرحمة بهم ،والعطاف عليهم ،بواسطة الأقوال والأفعال الطيبة .

**اليتامي** : بصيانة حقوقهم وتأديبهم وتربيتهم وعدم قهرهم  
**المساكين** : بسد جوعتهم وستر عورتهم والحد على إطعامهم وإبعاد الأذى والإساءة إليهم  
**الجيران** : بحسن المعاملة والصبر على الجيران ومساعدتهم

**أبناء السبيل** : بقضاء حاجتهم وسد خلتهم وصيانة كرامتهم بإرشادهم وهدايتهم  
**الرقب** : بالتلطف في القول والمحاجمة في المعاملة مع الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر ورد حقوقهم وكف الأذى عنهم

\*\*\* Wahai pelajar, orang yang paling utama untuk kamu berbakti dan berlemah lembut ialah kaum kerabat kamu. Orang yang paling hampir dengan kamu adalah kedua ibu bapa kamu, mereka adalah punca kewujudan kamu di dunia ini. Oleh kerana itulah, Allah swt menyuruh kita berbuat baik kepada keduanya dan Allah swt sertakan Hak kedua-duanya bersama hakNya pada banyak tempat di dalam al Quran. Kemudian diikuti selepas perkara itu, hak keluarga lain yang lebih dekat.

## 7. Jenis-jenis jiran

Jiran ada tiga jenis:

- Jiran yang mempunyai tiga hak : jiran di kawasan perumahan, ada hubungan keluarga terdekat dan agama yang sama. maka dia mempunyai hak jiran, hak persaudaraan, dan hak persaudaraan dalam agama.
- Jiran yang mempunyai dua hak : jiran sesama Islam, tiada hubungan kekeluargaan maka dia mempunyai hak jiran dan hak saudara seagama..
- Jiran yang mempunyai hak satu: Jiran adalah non muslim. maka dia hanya mempunyai hak jiran sahaja. maka tidak boleh menyakiti jiran bahkan sebaliknya memberi manfaat kepadanya dengan perkara yang membantunya dalam urusan agamanya.

## 8- Pengajaran daripada ayat

- Haram menipu dan berbangga diri.
- Ibadat dan ikhlas adalah asas agama.
- Berbuat baik kepada ibu bapa, saudara mara, anak yatim dan orang miskin, dan jiran yang mempunyai hubungan keluarga terdekat, jiran yang tiada hubungan kekeluargaan dan rakan dalam perjalanan dan orang musafir yang terputus bekalan dalam perjalanan.

\*\*\* Adakah anda tahu ?

Berbuat baik kepada jiran adalah antara perkara utama yang digalakkan oleh Islam ke atas setiap individu. Sifat ini dianggap dapat mencapai keredhaan Allah swt. Sesiapa yang melakukan perkara yang menyakiti jirannya, maka dia tidak akan masuk syurga. Dari Abu Hurairah r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: Tidak akan masuk syurga orang yang mana jirannya tidak selamat dari keburukan perlakunya”.

(Hadis riwayat Muslim; perilaku buruk: Kezaliman dan kejahatan)

\*\*\* أيها الطالب! إن أولى الناس ببرك وعطفك هم أقاربك، وأقرب الناس إليك والداك، فهما السبب في وجودك. ولذلك، أمرنا الله بالإحسان إليهما وقارن حقهما بحقه سبحانه وتعالى في مواضع متعددة من القرآن. ثم يلي بعد ذلك الأقارب على حسب قربهم.

## ٧- أنواع الجيران

والجيران ثلاثة:

١. الجار الذى له ثلاثة حقوق: وهو الجار فى المسكن،القريب فى النسب،المواافق فى الدين.فله حق الجوار،وحق القرابة،وحق الأخوة فى الدين.
٢. الجار الذى له حقان: وهو الجار المسلم،البعيد فى النسب.فله حق الجوار وحق الإسلام.
٣. الجار الذى له حق واحد: وهو الجار غير المسلم.فليس له إلا حق الجوار،ولا يجوز أن يناله الجار بأذى،بل العكس عليه أن ينفعه بما ينفعه فى أمر دينه.

## ٨- ما يؤخذ من الآية

- ١) تحريم الاحتيال والتفاخر.
- ٢) العبادة والإخلاص أساس الدين.
- ٣) الإحسان إلى الوالدين، والقرابة، واليتامى، والمساكين، والجار ذى القرى، والجار الجنب، والصاحب بالجنب، وابن السبيل.

\*\*\* هل تعلم ؟

الإحسان إلى الجار من أهم ما يبحث الإسلام على كل فرد. وتعتبر هذه الصفة مرضاه لرضا الله تعالى. ومن وقع الأذى لجاره، فلا يدخل الجنة. عن أبي هريرة، أن رسول الله ﷺ قال: لا يدخل الجنة من لا يأمن جاره بواقهه. (رواه مسلم ؛ البوائق : الظلم والشر)

## Pelajaran 7:

## AMANAH DAN KEADILAN

## 1 - Membaca Ayat al quran secara bertajwid

Firman Allah swt:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".

(Surah an- Nisa' : 58)

## 2- Perpendaharaan kata terpilih

أمانة [أمانة] (الأمنت) kata jamak bagi sesuatu yang diamanahkan kepada seseorang.

Menyerahkan hak kepada pemiliknya melalui cara yang paling mudah sebaik-baik sesuatu perkara. Ini adalah gaya bahasa bentuk pujiann

\*\*\* Agama Islam adalah amanah yang dipikul oleh manusia, ia wajib melaksanakan dan mematuhi umpamanya seorang lelaki-suami bersama keluarganya yang terdiri daripada anak-anak dan lain-lainnya. Islam juga adalah agama keadilan, toleransi dan hidup bersama di antara umat manusia sekalipun berbeza agama, warna kulit dan negara. Memelihara kehormatan manusia dan kebebasannya beragama, dan hidup dalam kebebasan dan kemuliaan.

## 3 - Huraian ayat secara umum

Allah swt memerintahkan orang yang beriman menunaikan semua amanah kepada pemiliknya, sama ada kanak-kanak atau orang dewsa mengikut perbezaan jenis dan bentuknya. Apabila kamu menghukum/mengadili di antara manusia, hendaklah keadilan itu sebagai asas hukuman dalam penghakiman . ianya adalah sebaik-baik perkara yang diajar oleh Allah swt kepada orang yang beriman. Allah swt sentiasa Mendengar perkataan mereka, lagi sentiasa Melihat perbuatan mereka.

## الأمانة والعدل

## ١ - قراءة الآية قراءة محودة

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَن تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعْظُمُ كُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

سورة النساء ٥٨

## ٢ - معان الكلمات المختارة

الأمنت : جمع أمانة، وهي ما يؤتمن الشخص عليه

بالعدل : إيصال الحق إلى صاحبه من أقرب طريق

نعمما : نعم الشيء، وهو أسلوب مدح

إن دين الإسلام هو الأمانة التي تحملها الإنسان، فيجب عليه أداؤها ويلتزم بها مثل الرجل مع أهل بيته من الأولاد وغيرهم. والإسلام أيضا دين العدل والتسامح والتعايش بين بني البشر مهما اختلفت أديانهم وألوانهم وأوطانهم. ويصون كرامة الإنسان وحرি�ته في الإعتقاد، ويعيش في الحرية والكرامة.

## ٣ - شرح الآية إجمالا

يأمر الله تعالى المؤمنين بأداء جميع الأمانات إلى أهلها، صغيرة كانت أو كبيرة على اختلاف أنواعها وأشكالها. إذا حكموا بين الناس، فيجب أن يكون العدل هو أساس الحكم في التحكيم، وهو نعم الشيء الذي يعظ الله تعالى به المؤمنين. وكان الله سميعا لأقوالهم، بصيرا

بأفعالهم.

## ٤ - سبب نزول الآية ٥٨

### 4 - Sebab turunnya ayat 58

Ayat ini diturunkan pada Othman bin Talhah al hajaba dari bani Abdul Dar, beliau adalah khadam Ka'bah. Ketika Nabi SAW memasuki kota Mekah pada hari pembukaan/penaklukan kota Mekah. Othman menutup pintu baitullah, lalu naik ke bumbung Kaabah. Rasulullah saw meminta kunci (pintu Kaabah tersebut). Ada pendapat mengatakan: kunci tersebut ada bersama Othman.

Rasulullah saw meminta kunci tersebut daripadanya tetapi dia enggan memberikannya dan berkata: jika aku tahu dia adalah Rasulullah maka aku tidak akan memberikan kunci tersebut. Lalu Ali r.a menarik tangan othman dan mengambil kunci tersebut dan membuka pintu Kaabah. Kemudian Rasulullah saw masuk ke dalam Kaabah dan solat dua rakaat. Setelah baginda keluar Abbas meminta supaya baginda memberi kunci kepadanya dan menghimpunkan kepadanya urusan memberi minum jemaah haji dan menjaga Kaabah, lalu Allah swt menurunkan ayat ini.

### 5. Konsep Amanah dan Keadilan

**Amanah :** lawan perkataan khianat seperti yang dinyatakan dalam kamus Mukhtar Sihhah. Amanah digunakan pada setiap apa yang diberikan kepada manusia daripada tanggungjawab syarak seperti ibadah dan barang simpanan (yang dimanahkan).

**Keadilan :** Memberikan kepada setiap yang berhak akan haknya. Jika baik maka baiklah dan jika buruk maka buruklah tanpa membezakan antara penerimanya.

### 6 – Melaksanakan keadilan dalam majlis timbang tara dan kehakiman

Ramai di kalangan manusia, apabila disebut tentang kawannya maka dia akan memujinya walaupun dia tahu bahawa kawannya itu tidak berhak dipuji sedemikian. apabila disebut tentang musuhnya, dia akan mencelanya walaupun dia tahu musuhnya itu tidak seperti yang dikatakan itu. Allah swt memerintahkan kita berlaku adil walaupun dengan musuh. Firman Allah swt: "dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa".  
 (Surah al Maidah : 8)

نزلت في عثمان بن طلحة الحجي من بنى عبد الدار، وكان سادن الكعبة، فلما دخل النبي ﷺ مكة يوم الفتح، أغلق عثمان باب البيت، وصعد السطح. فطلب رسول الله ﷺ المفتاح، فقيل: إنه مع عثمان.

فطلبه منه رسول الله ﷺ، فأبى، وقال: لو علمت أنه رسول الله، لم أمنعه المفتاح، فلوى علي رضي الله عنه يده، فأخذ منه المفتاح، وفتح الباب. فدخل رسول الله ﷺ البيت، وصلى فيه ركعتين. فلما خرج، سأله العباس المفتاح أن يعطيه ويجمع له بين السقاية والسدانة. فأنزل الله تعالى هذه الآية.

## ٥ - مفهوم الأمانة والعدل

**الأمانة:** ضد الخيانة كما في مختار الصحاح. وهي تطلق على كل ما عهد به الى الانسان من النكاليف الشرعية كالعبادة، والوديعة.

**العدل:** إعطاء كل ذي حق حقه. وإن خيرا، فخير. وإن شرا، فشر، من غير تفرقة بين المستحقين.

## ٦ - تحقيق العدالة في التحكيم والقضاء

إن الكثير من الناس اذا ذكر له صديقه، أثني عليه ولو كان يعلم أنه لا يستحق ذلك الثناء. وإذا ذكر له خصمه، ذمه ولو كان يعلم أنه خلاف ما يقول. والله تعالى قد أمرنا بالعدل حتى مع الأعداء، فقال: {وَلَا يَجِدُونَ شَرْعَانَ قَوْمٍ عَلَيْهِ أَلَا تَعْدِلُوا أَعْدَلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ} سورة المائدة: ٨

Islam telah menegakkan sesebuah masyarakat itu di atas asas yang kukuh dan stabil, antaranya: keadilan di antara manusia yang berbilang kaum dan kedudukannya. Keadilan adalah sifat akhlak mulia yang menghendaki agar mematuhi kebenaran dan keadilan dalam semua perkara kehidupan. menjauhi kezaliman, penindasan dan permusuhan. Keadilan dalam Islam adalah sesuatu yang menyempurnakan akhlak muslim yang mengandungi kesederhanaan, tetap pendirian dan cintakan kebenaran. Ia adalah akhlak terpuji menunjukkan keluhuran budi dan maruah diri bagi bagi orang yang berakhlek dengannya. ia juga menunjukkan kemuliaannya, teguh pendiriannya, belas kasihan, dan kesucian hatinya.

## 7. Pengajaran dari ayat ini

- Menunaikan amanah adalah ciri-ciri orang mukmin yang berjaya.
- Besarnya perkara amanah ini dan perintah menjaganya dan menunaikannya.
- Perintah menunaikan segala amanah kepada orang yang berhak.
- Sesungguhnya Tidak ada agama bagi orang yang tidak amanah.

\*\* Adakah anda tahu?

Antara tokoh yang terkenal dengan sifat adil ialah Umar bin Abdul Azizi bin Marwan, Khalifah ke 8 kerajaan Umayyah. Keturunannya dari sebelah ibunya sampai kepada Umar bin al Kattab. Beliau sangat teliti terhadap dirinya, seorang yang warak dan takwa. Zaman pemerintahannya terkenal dengan zaman yang penuh dengan keadilan, dan kemewahan di seluruh negara Islam sehingga seseorang yang ingin mengeluarkan zakat hartanya dan mencari orang fakir (untuk diberikan zakat) namun tidak ditemui orang yang memerlukannya.

لقد أقام الإسلام المجتمع على دعائم قوية ثابتة، منها: العدل بين الناس على اختلاف أجناسهم وطبقاتهم، والعدل صفة حلقية كريمة تعنى التزام الحق، والانصاف في كل أمور الحياة، البعد عن الظلم والبغى والعدوان. والعدل في الإسلام هو ما يكمل أخلاق المسلم لما فيه من اعتدال، واستقامة، وحب للحق. وهو كذلك صفة حلقية م محمودة تدل على شهامة ومرؤة عند من يتحلى بها، وعلى كرامته، واستقامتها، ورحمتها، وصفاء قلبها.

## - ٧ - ما يؤخذ من الآية

١. أداء الأمانة من صفات المؤمنين المفلحين.
٢. عظمة أمر الأمانة والأمر بحفظها وتأديتها.
٣. الأمر بأداء الأمانات إلى أهلها.
٤. أنه لا دين لمن لا أمانة له.

\*\*\* هل تعلم؟

من أبرز شخص في العدل هو عمر بن عبد العزيز بن مروان، ثامن الخلفاء الأمويين. ويرجع نسبه من أمه إلى عمر بن الخطاب. كان شديد الحاسبة لنفسه ورعا تعقيا. اشتهرت خلافته بأنها الفترة عم العدل والرخاء في أرجاء البلاد الإسلامية، حتى أن الرجل كان ليخرج الزكاة من أمواله فيبحث عن الفقراء فلا يجد من في حاجة إليها.

Pelajaran 8:

**ADAB MEMBERI SALAM****1 - Membaca Ayat al quran secara bertajwid**

Firman Allah swt:

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Al - Nisa 86

**2- Perbendaharaan kata terpilih**

(حييتم بتحية) semuga Allah ememuliakan kamu atau kesejahteraan untuk kamu  
 [وعليكم السلام] menjawab kesejahteraan juga untuk kamu  
 (حسبيا) dihitung setiap perbuatan

**3 - Huraian ayat secara umum**

Allah mengajak orang beriman agar saling memberi salam dan membalaunya dengan cara seumpamanya atau lebih baik lagi. Wahai orang beriman Apabila kamu menerima ucapan salam, maka balaslah dengan ucapan yang lebih baik lagi atau ucapan yang sama. Sesungguhnya Allah swt menghitung segala sesuatu dan menjaganya.

Dari 'Imran bin Hushain r.a berkata: "Seorang laki-laki datang kepada Nabi saw dan mengucapkan , 'Assalaamu'alaikum'. Maka baginda menjawab salam kemudian ia duduk, Nabi saw berkata, 'Sepuluh'. Kemudian datang lagi orang yang kedua, memberi salam, 'Assalaamu'alaikum wa Rahmatullaah.' Setelah dijawab oleh Nabi saw ia pun duduk, Nabi saw bersabda, 'Dua puluh'. Kemudian datang orang ketiga dan mengucapkan salam: 'Assalaamu'alaikum wa rahmatullaahi wa barakaatuh'. Maka dijawab oleh Nabi saw kemudian ia pun duduk dan Nabi saw bersabda: 'Tiga puluh'."

(Hadis Riwayat Abu Daud)

الدرس الثامن :

**آداب السلام**

١ - قراءة الآية قراءة محودة

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحْيَةٍ فَحَيُوا بِأَحْسَنِ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

سورة النساء ٨٦

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

حييتم بتحية : أى حياك الله أو سلام عليكم  
 أو ردوها : أى يقول وعليكم السلام  
 حسيبا : محاسب على العمل

**٣ - شرح الآية إجمالا**

يدعو الله تعالى المؤمنين إلى مبادلة التحية بمثلها،أو بما هو أفضل منها.فإذا حييتم يا أهل الإيمان بتحية،فحيوا بأحسن منها،أو ردوا بمثلها.فإن الله على كل شيء حسيبا وحفيظا.

\*\*\* هل تعلم ؟

إن أجر السلام يختلف باختلاف ألفاظه.

عن عمران بن حصين ، قَالَ: جاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ، فَرَدَّ عَلَيْهِ، ثُمَّ جَلَسَ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: عَشْرٌ، ثُمَّ جَاءَ آخَرُ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ، فَرَدَّ عَلَيْهِ، فَجَلَسَ، فَقَالَ: عِشْرُونَ، ثُمَّ جَاءَ آخَرُ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، فَرَدَّ عَلَيْهِ، فَجَلَسَ، فَقَالَ: ثَلَاثُونَ (رواه أبو داود)

## ٤- مفهوم السلام

### 4. Konsep Salam

Maksud salam ialah keselamatan daripada kerosakan. Apabila manusia memohon panjang usianya tanpa kesejahteraan, maka hidupnya adalah tercela. Apabila hidupnya sejahtera maka itu lebih sempurna dan lengkap. Oleh itu inilah sebab dipilih perkataan salam. [أو ردوها] bermaksud kamu balaslah salam tersebut dengan ucapan yang sama. Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Maksud [التَّحْمِيَةُ] di sini terdapat 2 pendapat:

Pertama : berdoa agar dipanjang usia.

Kedua : Memberi salam adalah sunat dan menjawabnya adalah wajib.

### 5. Wajib menjawab salam dengan cara yang lebih baik atau seumpamanya

Cara menjawab salam yang lebih baik: [وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته] kesejahteraan untuk kamu, belas kasihan Allah dan keberkatanNya. Ayat ini menunjukkan bahawa ucapan salam itu disyariatkan dan tidak ada perselisihan pendapat ulamak tentang perkara. orang yang memulakan salam adalah sunat dan menjawapannya adalah wajib mengikut kebanyakkannya ulamak. Ini sekiranya membala salam daripada orang Islam. sekiranya orang yang memberi salam itu adalah seorang yang fasik atau kafir, maka tidak perlu membala salamnya dengan perkataan [الرحمة والبركة] dan membala dengan doa kesejahteraan sahaja.

Apabila seorang Muslim memberi salam kepada anda, maka jawablah dengan cara yang baik daripada mereka atau seumpamanya.

[السلام عليكم] - (1)

[وعليكم السلام ورحمة الله] -

[السلام عليكم ورحمة الله] - (2)

[وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته] -

[السلام عليكم ورحمة الله وبركاته] - (3)

[وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته] -

معنى السلام هي السلام من الآفات. فإذا دعا الإنسان بطول الحياة بغير سلام، كانت حياته مذمومة. وإذا كان في حياته سليماً، كان أتم وأكمل. فلهذا السبب، اختير لفظ السلام أو ردوها، يعني أو ردوا عليه كما سلم عليكم، إن الله كان على كل شيء حسبياً.

والمراد بالتحية هنا قوله:

أحدها : الدعاء بطول الحياة.

والثاني : السلام تطوع مستحب، ورده فرض.

### ٥- وجوب رد السلام بأحسن منه أو بمثله

الأحسن أن ترد: [وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته]. الآية تدل على أن السلام مشروع. ولا خلاف فيه والابتداء سنة والجواب واجب عند جمهور العلماء. وهذا إذا كان الرد على مسلم. فإن كان القائل فاسقاً أو كافراً، لم يرد بالرحمة والبركة. ورد بما فيه الدعاء.

إذا سلم عليكم مسلم، فأجبوا بأحسن منها، أو ردوها كما سلم.

إذا قال : السلام عليكم،

فقل : [وعليكم السلام ورحمة الله].

إذا قال : السلام عليكم ورحمة الله،

فقل : [وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته].

إذا قال : السلام عليكم ورحمة الله وبركاته،

فرد مثله.

## 6 - Pengajaran dari ayat ini

- Galakan memberi salam.
- Allah swt menyuruh agar menjawab salam dengan cara yang lebih baik atau seumpamanya.
- Ini adalah salah satu ajaran Islam daripada akhlak terpuji dan perbuatan yang baik.
- Sentiasa berusaha untuk menguatkan hubungan kasih sayang dan kekeluargaan antara anggota masyarakat Islam.

Inilah adalah bukti bahawa agama ini adalah agama paling mulia dan sempurna.. Nabi saw bersabda: "Sebarkanlah salam" bentuk ayat perintah ini menunjukkan wajib. Salam juga adalah berita gembira tentang kesejahteraan dan hilangnya kemudaratan. Perkara ini adalah wajib berdasarkan sabda nabi saw : "Seorang Muslim (yang sempurna Islamnya) ialah (apabila) seseorang Muslimin (yang lain) selamat daripada (keburukan) lidahnya dan tangannya, manakala seorang muhajir (yang berhijrah) adalah seseorang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT"

(Hadis riwayat Muslim)

Juga kerana ia adalah syiar Islam, dan menzahirkan syiar Islam adalah wajib.

Adakah anda Hafal?

Doa yang didoakan oleh Nabi saw pada waktu siang hari:

*"Ya Allah, perbaikanlah kesudahan segenap urusan kami serta lindungilah kami daripada kenistaan hidup di dunia dan siksaan hidup di akhirat."*

[Hadis Riwayat Ahmad]

(HR. Ahmad)

## ٦ - ما يؤخذ من الآية

- الحث على ابتداء السلام والتحية.
- أن الله أمر برد السلام بأحسن منها أو مثلها.
- ذلك من تعاليم الإسلام لنوع من مكارم الأخلاق ومحاسن الأعمال.
- الحاولة الدائمة لتوثيق علاقات المودة والقربى بين أفراد الجماعة المسلمة.

\*\*\* وفي هذا دليل على أن هذا الدين أشرف الأديان وأكملها. قال ﷺ : "أفسحوا السلام". والأمر للوجوب، ولأن السلام بشارة بالسلامة وإزالة الضرر، وهو واجب لقوله ﷺ : "المُسْلِمُ مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ" . (رواه مسلم)

ولأنه من شعائر الإسلام، وإظهار شعائر الإسلام واجب.

\*\*\* هل تحفظ ؟

دعاء يدعو به النبي ﷺ في نحره :

*اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلُّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خَزْنِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ*

(رواه أحمد)

Pelajaran 9:

**BALASAN PERBUATAN BAIK DAN BURUK****1 - Membaca Ayat al quran secara bertajwid**

Firman Allah swt:

Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahanan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahanan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianaya (sedikitpun).

Surah Al - An'am 160

**2- Perbendaharaan kata terpilih**

(فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا) Balasan 10 kebaikan

(إِلَّا مِثْلُهَا) satu balasan yang sama

(وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ) Tidak dikurangkan balasan mereka sedikitpun

**3 - Huraian ayat secara umum**

Antara rahmat Allah SWT ialah barangsiapa yang datang pada hari kiamat dengan satu kebaikan sahaja, maka ia akan mendapat 10 kali ganda kebaikan. Barangsiapa yang datang dengan satu kejahanan, maka ia akan dihitung dengan satu kejahanan sahaja sedangkan mereka tidak dizalimi di sisi Allah swt.

\*\*\* Adakah anda hafal ?

Doa untuk Mencapai kemulian dari Allah swt:

Ya Allah , tambahkanlah buat kami jangan Engkau kurangkan, Muliakanlah kami, jangan dihina, berilah buat kami, jangan ditahannya, dan pilihlah kami jangan Engkau biarkan, dan redhailah kami dan redhailah pula semua usaha kami.

(Hadis riwayat Tirmizi)

**جزاء الحسنة والسيئة**

الدرس التاسع :

**١ - قراءة الآية قراءة مجمدة**

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا تُحْبَرِّزَ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

سورة الأنعام ١٦٠

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

فله عشر أمثالها : أي جزاء عشر حسنات

إلا مثلها : أي جزاء واحد مماثلا لها

وهم لا يظلمون : لا بنقصون من حزائهم شيئا

**٣ - شرح الآية إجمالا**

ومن سعة رحمة الله تعالى أن من جاء يوم القيمة بحسنة واحدة، فله عشر حسنات أمثالها. ومن جاء بالسيئة، فلا يحاسب إلا بسيئة واحدة مثلها، وهم لا يظلمون عند الله.

\*\*\* هل تحفظ ؟

دعاة ليل الفضل من الله سبحانه وتعالى :

اللَّهُمَّ زِدْنَا وَ لَا تَنْقُصْنَا، وَأَكْرِمْنَا وَلَا اخْنِنَا، وَأَعْطِنَا وَلَا تَحْرِمْنَا، وَآتِنَا وَلَا تُؤْثِرْ عَلَيْنَا، وَ ارْضِنَا وَأَرْضَ عَنَّا . (رواه الترمذى)

#### 4 - Sebab turunnya ayat 160

Dari Abdullah ibnu Umar berkata: Ayat ini telah diturunkan tentang orang Arab Badwi: " Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya". al An'am 160

Beliau berkata: Seorang lelaki berkata: Apakah untuk orang Muhajirin, wahai Abu Abdul Rahman?. Beliau menjawab: Ianya lebih daripada itu. "Sesungguhnya Allah tidak sekali-kali menganiaya (seseorang) sekalipun seberat zarah (debu). Dan kalaularah (amal yang seberat zarah) itu amal kebajikan, nescaya akan menggandakannya dan akan memberi, dari sisiNya, pahala yang amat besar".

Surah an-Nisa' : 40

Dari Abu Zar, saya berpendapat beliau telah meriwayatkan hadis ini secara marfu', beliau berkata: Sesiapa yang berpuasa tiga hari setiap bulan, maka itu puasa sepanjang masa. Lalu Allah swt ayat ini bagi membenarkan perkara tersebut : Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya". Surah Al - An'am 160

#### 5 – Pahala untuk kebaikan dan dosa untuk kejahanan

orang Islam perlu berusaha sebanyak mungkin untuk mendapatkan pahala dan kebajikan semasa masih hidup supaya tidak merasa sedih di Syurga kerana hilangnya nikmat (kebahagiaan), yang telah disediakan Allah untuk orang yang taat seperti sentiasa melakukan perkara wajib, fardu dan sunat seperti solat, sedekah/zakat, puasa, bersifat benar, amanah (jujur), berbuat baik, menghubungkan ikatang kekeluargaan dan lain-lain lagi, begitu juga menjauhi dari dosa, seperti derhaka kepada ibu bapa dan mengambil Hak orang lain dan meremeh-remahkan agama, menipu, memperdaya, berdusta dan banyak lagi.

#### ٤- سبب نزول الآية ١٦٠

١. عن عبد الله بن عمر، قال: نزلت هذه الآية في الأعراب:

(مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ وَعَشْرُ أَمْثَالَهَا) سورة الأنعام ١٦٠

قال: فقال رجل: فما للهجارين، يا أبا عبد الرحمن؟ قال: ما هو أفضل من ذلك.

(إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكُ حَسَنَةٌ يُضَعِّفُهَا وَيُؤْتَ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا)

سورة النساء ٤٠

٢. عن أبي ذر، أراه قد رفعه، قال: من صام ثلاثة أيام من كل شهر، فذلك صيام

الدهر. فأنزل الله تصديق ذلك:

(مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ وَعَشْرُ أَمْثَالَهَا) سورة الأنعام ١٦٠

#### ٥- الأجر على البر والاثم على السوء

يجب على المسلم أن يكسب أكبر قدر ممكن من الأجر والحسنات في هذه الحياة حتى لا تتحسر في الجنة على فوات النعيم الذي أعدده الله لأهل طاعته كالالتزام بالواجبات والفرائض والتوفيق مثل الصلاة والصدقات والصوم والصدق والأمانة والبر وصلة الرحم وغير ذلك كما تبتعد عن الاثم مثل عقوق الوالدين والاعتداء على حقوق الآخرين والاستهزاء باللدين والغش والخداع والكذب وكثيرة.

## 6 - Pengajaran dari ayat ini

- Digandakan kebaikan itu adalah kurniaan Allah swt.
- Digandakan kejahanan itu adalah keadilan dari Allah swt dan rahmat-Nya.
- Allah swt tidak akan mengurangkan pahala kebaikan dan tidak menambahkan hukuman kejahanan.

Adakah anda tahu?

Pahala amalan baik tidak terhenti pada 10 kali ganda sahaja. Tetapi Allah telah melipatgandakannya lebih dari 700 kali ganda.

Dari Abu Hurairah berkata: Rasulullah saw bersabda: "Barangsiapa yang berniat untuk melakukan kebaikan lalu ia tidak jadi melakukannya, maka Allah swt, mencatat satu kebaikan disisi-Nya (secara sempurna)". Dan jika ia berniat melakukan kebaikan lalu ia laksanakan, Allah Swt, mencatat baginya sepuluh kebaikan, sehingga tujuh ratus kali ganda. (sebaliknya) barang siapa yang berniat melakukan kejahanan kemudian tidak jadi dilakukannya, Allah Swt, mencatatnya, dan jika ia berniat melakukan kejahanan dan ia melakukannya, Allah Swt, menulisnya sebagai satu kejahanan saja." (hadis riwayat Muslim)

\*\*\* Perbuatan baik dan menjauhkan diri dari yang buruk adalah perkara yang paling penting dalam kehidupan seorang muslim, kerana perbuatan baik itu kebaikannya akan kembali kepada dirinya sendiri, dan tidak melangkau kepada orang lain seperti solat, zikir, puasa dan lain-lain.

٦- ما يؤخذ من الآية

- ١) مضاعفة الحسنات فضل من الله.
- ٢) عدم مضاعفة السيئات عدل من الله ورحمته.
- ٣) إن الله لا ينقص من ثواب الحسنة ولا يزيد في عقاب السيئة.

\*\*\* هل تعلم؟

إن الأجر على العمل الصالح لا يتوقف على عشرة أضعاف فقط. بل ضاعفه الله أكثر من ذلك حتى سبعمائة ضعف.

عن أبي هريرة، قال: قال رسول الله ﷺ : مَنْ هُمْ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا، كُتِبَتْ لَهُ حَسَنَةٌ . وَمَنْ هُمْ بِخَيْرٍ فَعَمِلُهَا كُتِبَتْ لَهُ عَشْرًا إِلَى سَبْعِمَائَةٍ ضِعْفٍ . وَمَنْ هُمْ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا لَمْ يُكْتَبْ فِيْ إِنْ عَمِلَهَا كُتِبَتْ .

\*\*\* الأعمال الصالحة والابتعاد عن السيئة من أهم الأمور في حياة المسلم، لأن الأعمال الصالحة يعود نفعها إلى المكلف نفسه، ولا تتعدى لغيره كالصلوة والذكر والصيام وغيرها.

Pelajaran 10:

**RAHMAT RASULULLAH SAW KEPADA UMATNYA****1 - Membaca Ayat al quran secara bertajwid**

Firman Allah swt:

Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. (128)

Kemudian jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): "cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; kepadaNya aku berserah diri, dan Dia lah yang mempunyai Arasy yang besar."(129)

Surah At- Taubah : 128-

129

**2- Perbendaharaan kata terpilih**

(من أنفسكم) Daripada bangsa kamu

(عزيز) sangat berat

(ما عنتكم) kesusahan kamu dan malapetaka yang menimpa kamu

(حريص عليكم) mendapatkan kebaikan untuk orang yang beriman

(رعوف) sangat belas kasihan

(رحيم) inginkan kamu mendapat kebaikan

(فقل حسبي) Katakanlah: Cukuplah

(عليه توكلت) hanya pada Allah aku yakini tidak pada selainNya

**رحمة الرسول صلى الله عليه وسلم لأمته****١ - قراءة الآية قراءة مجمودة**

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ  
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٩﴾ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ  
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿١٣٠﴾

سورة التوبة ١٢٩ – ١٢٨

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

من أنفسكم : من جنسكم

عزيز : شديد

ما عنتم : أى مشقتكم ولقاوكم المکروه

حرirsch عليكم : حصول الخير على المؤمنين

رعوف : شديد الرحمة

رحيم : يزيد لكم الخير

فقل حسبي : قل: كافي

عليه توكلت : بالله وثقت لا بغيره

### 3 - Huraian ayat secara umum

Surah yang mulia ini disudahi dengan peringatan Allah swt kepada orang yang beriman besar tentang kurnian-Nya yang besar kepada mereka, iaitu kebangkitan Nabi SAW (sebagai rasul). Rasul ini datang dari bangsa mereka sendiri, mereka mengenali keturunan dan kedudukannya di kalangan mereka. Baginda adalah orang yang paling mulia dan paling dihormati. Antara sifatnya ialah sangat mengambil berat dengan kesusahan dan kesulitan mereka, Baginda sangat inginkan keimanan mereka dapat memasukkan mereka ke syurga. Sesungguhnya Allah swt adalah Tuhan Arasy yang agung.

### 4 - Cinta Rasulullah saw kepada umatnya

Begitu banyak perhatian Rasulullah saw dan kasihnya terhadap umatnya, antaranya:

- Baginda menolak sesuatu amalan sedangkan perkara tersebut dekat dihatinya dan disukainya namun kerana bimbng perkara tersebut akan diwajibkan ke atas umatnya dan akan menyulitkan mereka.
- Pada peringkat awal dakwah, baginda memerintahkan golongan lemah di Mekah agar berhijrah.
- Baginda menagis mengenangkan umatnya kerana belas kasihan terhadap mereka.
- Syafaat agung baginda pada Hari Kiamat.
- Baginda memohon dimudah umatnya.

### 5 - Pengajaran dari ayat ini

- Menjelaskan kesempurnaan akhlak baginda.
- Besarnya Arasy Allah Yang Maha Pengasih.
- Wajib berserah kepada Allah dalam setiap perkara.

### ٣ - شرح الآية إجمالاً

تحتتم السورة الكريمة بتذكرة الله إلى المؤمنين بنعمته الكبرى عليهم، وهي بعثة النبي ﷺ. لقد جاء هم رسول من أنفسهم، يعرفون نسبه وحسبه فيهم، فهو من أشرفهم وأفضليهم. ومن صفتة أنه شديد عليه مشقهم ويعز عليه مضرهم، فهو حريص عليهم في إيمانهم الذي يدخلهم الجنة. وأن الله رب العرش العظيم.

### ٤ - حب الرسول صلى الله عليه وسلم لأمتة

لقد بلغ حرص الرسول ﷺ وحبه لأمتة كثيرة، منها:

- (١) أنه ﷺ يعرض عن عمل من الأعمال وهو مقرب إلى قلبه ومحبها إلى نفسه لا شيء إلا لحوفه أن يفرض على أمته ويشق عليهم.
- (٢) أنه في اللحظات الأولى للدعوة، يأمر القلة المستضعفة بمكّة بالهجرة.
- (٣) بكاؤه ﷺ على أمته شفقة عليها.
- (٤) الشفاعة العظمى يوم القيمة.
- (٥) طلبه التيسير على أمته.

### ٥ - ما يؤخذ من الآية

- ١) بيان كمال أخلاقه ﷺ.
- ٢) عظمّة عرش الرحمن سبحانه وتعالى.
- ٣) وجوب التوكل على الله في كل شيء.

\*\*\* Tahukah anda?

Islam menggalakkan umatnya untuk berselawat kepada Nabi saw

Dari Abu Hurairah berkata, Rasulullah saw bersabda : Barang siapa berselawat kepadaku sekali, Allah akan berselawat kepadanya sepuluh kali.

( Hadis riwayat Tirmizi)

\*\*\* Antara tanda-tanda cinta kepada Rasulullah saw adalah bersegera mematuhi perintah baginda dan menghindari larangannya, dan mengorbankan jiwa dan harta untuk mendukung Sunnah.

Begitulah cara mendukung Sunnah dan mempertahankan syariatnya.

\*\*\* هل تعلم ؟

حث الإسلام أمته على الصلاة على النبي ﷺ  
من صلى على صلاة صلي الله عليه عشرة. (رواه الترمذى)

\*\*\* من علامات حب الرسول ﷺ هو المسرعة إلى امتحان أوامره واحتساب نواهيه، وبذل النفس والمال من أجل نصرة السنة.

وكذا نصر سنته والذب عن شريعته.

## المحتويات

58	١. النية في العبادة
61	٢. أركان الإسلام
64	٣. مفهوم الإسلام والإيمان والإحسان
69	٤. حلاوة الإيمان
72	٥. علامات التفاق
77	٦. فضل الوضوء
81	٧. النيم
84	٨. بر الوالدين
87	٩. الحث على حفظ القرآن
92	١٠. فضل المتابعين في الإسلام

# باب الحادي

**NIAT DALAM IBADAT****\* Membaca hadis dengan bacaan yang betul**

Dari Amirul Mu'min, Abu Hafs Umar bin Al Khattab r.a, bahawa Rasulullah saw bersabda: "Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu".

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**\* Perbendaharaan kata teripilih**

Singa, Abu Hafs: gelaran (nama panggilan) bagi Umar bin Al-Khattab r.a  
 Adat hasr (kata yang menunjukkan pembatasan maksud sesuatu perkara),  
 maksud di sini adalah untuk menguatkan hukum yang disebut selepasnya.  
 kata jamak bagi (نية) (نية), dari sudut bahasa : tujuan. Dari sudut istilah: niat  
 yang disertakan dengan perbuatan.

امريء (امريء) (امرأة) (أهلاً): manusia, lelaki atau perempuan

هجرته (هجرته): hijrah dari sudut bahasa : meninggalkan. Dari sudut istilah: meninggalkan negeri kafir (berpindah) ke negeri Islam kerana takutkan fitnah.

**\* Huraihan hadis secara umum**

Ikhlas adalah satu matlamat daripada matlamat/tujuan utama dalam agama dan satu maksud daripada maksud yang diakui oleh Tuhan sekalian alam dalam kitabNya yang tersirat/tersembunyi. Allah swt berkata kepada nabi saw:  
 "Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran ini kepadamu (wahai Muhammad) dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepadaNya."

(Surat Al-Zumar 2-3)

**النية في العبادة**

١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة  
 عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: إِنَّمَا الْأَعْمَالُ  
 بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ أَمْرٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،  
 وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأٌ يُنِكِّحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.  
 (رواه البخاري ومسلم)

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

حفص : الأسد، وأبو حفص: كنية لعمر بن الخطاب رضي الله عنه  
 إنما : أداة حصر، وهي هنا لتقوية الحكم المذكور بعدها  
 النيات : جمع نية. وهي في اللغة:قصد. وفي الاصطلاح: القصد المقترن بالفعل  
 امرئ : إنسان، رجلاً كان أو امرأة  
 هجرته : الهجرة لغة: الترك. وفي الاصطلاح: مفارقة دار الكفر إلى دار الإسلام خوف الفتنة.

**٣ - شرح الحديث إيجاما**

الإخلاص مقصد من أهم مقاصد الدين، ومعنى من معانى التي أكد عليها رب العالمين في كتابه المكتوب، وهو يخاطب نبيه ﷺ:

سورة الزمر: ٢ - ٣

﴿فَاعْبُدُ اللَّهَ مُخْلِصًا لِهِ الدِّينِ، أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ﴾

Ada di kalangan manusia yang mensyirikkan Allah swt dengan sesuatu yang lain. Dia berusaha/beramal kerana Allah swt dan kerana tujuan yang lain daripadaNya, sedangkan Allah swt maha kaya dan tidak memerlukan sekutu. Semua amalan yang mensyirikkan Allah swt dengan yang lain, maka amalan tersebut adalah untuk orang yang disyirikan bersamaNya. *Sesiapa yang hijrahnya kerana Allah dan di jalannya, maka Allah swt akan memberikannya apa yang diinginkannya dan mencapai keredhaanNya. Orang yang menginginkan kehidupan dunia dalam penghijrahnya, dan kehinaan itu adalah sifat yang sesuai bagi keinginannya.*

Kewajipan bagi setiap muslim mengikhaskan pekerjaan kerana Allah swt. ketahuilah wahai pelajar, ikhlas dalam ibadat adalah rahsia penerimaan amalan di sisi Allah swt dan ganjarannya adalah syurga yang penuh kenikmatan

#### \* Sebab Datangnya Hadis

At Tabarani meriwayatkan dalam Mu'jam Kabir, daripada Ibnu Masuod r.a berkata: Ada di kalangan kami seorang lelaki yang telah bertunang dengan seorang perempuan bernama Ummu Qais. Perempuan ini tidak mahu dikahwini kecuali jika si lelaki ini sanggup berhijrah. Maka dia berhijrah dan mengahwini perempuan itu. Kami namakan dia Muhajir Ummi Qais.

Jalan (tempat) yang dilalui oleh Rasulullah saw semasa peristiwa hijrah :

- |            |          |          |            |            |
|------------|----------|----------|------------|------------|
| 1. MEKAH   | 2. Usfan | 3. Umaj  | 4. Qudaid  | 5. Kharrar |
| 6. Jadajid | 7. Arj   | 8. Quba' | 9. MADINAH |            |

#### \* Kepentingan Niat Dalam Amalan

- Membezakan ibadat dengan adat
- Membezakan sesuatu ibadat dengan ibadat yang lain
- Tidak terhasil pahala bagi pelakunya kecuali dengan niat

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُشْرِكُ مَعَ اللَّهِ غَيْرَهُ، فَيُسَعِّيُ اللَّهَ بِمِلْقَاصِهِ أَغْنَى الشَّرْكَاءِ، وَكُلُّ عَمَلٍ أَشْرَكَ مَعَهُ غَيْرَهُ، فَهُوَ مِنْ أَشْرَكَ مَعَهُ. فَالَّذِي هَاجَرَ إِلَيْهِ وَفِي سَبِيلِهِ، أَعْطَاهُ اللَّهُ مَتْنَاهُ، وَبَلَغَهُ رَضَاهُ. وَالَّذِي قَصَدَ الدِّينَيَا فِي هَجْرَتِهِ، وَكَانَ الدِّينَيَا صَفَةً مَلَازِمَةً لِحَمْتِهِ. فَالوَاجِبُ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ أَنْ يَخْلُصَ الْعَمَلَ إِلَيْهِ. فَاعْلَمُ أَيْهَا الطَّلَابُ، أَنَّ الْإِحْلَاصَ فِي الْأَعْمَالِ سَرُّ الْقَبُولِ عِنْدَ اللَّهِ سَبِيلُهُ وَتَعَالَى، وَجَزَاءُهُ جَنَّاتُ النَّعِيمِ.

#### ٤- سبب ورود الحديث

روى الطبراني في المعجم الكبير، عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: كان فينا رجل خطب امرأة يقال لها: أم القيس، فأبىت أن تتزوجه حتى يهاجر. فهاجر، فتزوجها، فكنا نسميه: مهاجر أم قيس.

\* طريق هجرة الرسول ﷺ :

- |            |           |          |            |           |
|------------|-----------|----------|------------|-----------|
| ١. مكة     | ٢. عُسفان | ٣. أمّ ح | ٤. قديد    | ٥. الخزار |
| ٦. الجاديد | ٧. العرج  | ٨. قباء  | ٩. المدينة |           |

#### ٥- أهمية البيات في الأعمال

- تمييز العبادات من العادات
- تمييز العبادات بعضها من بعض
- لا يترتب الثواب على فاعلها إلا بالنية

### \* Perkara-Perkara Yang Membawa Kepada Rosaknya Niat

Dalam hadis ini menyatakan bahawa tidak sah ibadah itu daripada orang gila, kerana dia bukan daripada orang yang layak/dikira niatnya, begitu juga ibadat puasa, haji dan sebagainya. Tidak sah akad/kontrak (daripada orang gila) seperti jual beli, pemberian dan perkahwinan. Begitu juga tidak sah perceraian (daripada orang gila). Orang gila tidak wajib dikenakan hukuman qisas dan hudud. Orang lupa tidak diberikan tanggungjawab kepadanya, kerana niat ini perlu melakukan apa yang diinginkan/dimaksudkan, sedangkan orang lupa itu adalah orang yang tidak ada niat.

\*\* Ikhlas adalah syarat diterimanya setiap amalan. Oleh itu, setiap muslim mesti sentiasa memelihara niat mereka dan mengambil berat tentang niat dalam setiap perbuatan supaya mereka akan memperolehi pahala di sisi Allah swt.

### \* Pengajaran Daripada Hadis

- Galakan agar ikhlas dalam pekerjaan dan ibadah, supaya mendapat pahala dan ganjaran di akhirat, petunjuk dan kejayaan di dunia.
- Setiap pekerjaan yang bermanfaat dan baik menjadi ibadat dengan adanya niat, keikhlasan dan mencari kerdhaan Allah swt.
- Ibadat itu tidak sah dari orang kafir atau gila, kerana kedua-duanya bukan ahli ibadat (orang dipertanggungjawabkan untuk beribadat).

### \*\* Adakah anda tahu?

Yathrib adalah nama lama bagi Madinah sebelum hijrah Nabi saw. Imam al-Nawawi berkata: Baginda tidak menyukai nama Yathrib kerana ia bermaksud celaan dan caci. Nabi saw menyukai nama yang baik dan benci kepada nama yang buruk. Kerana itulah Rasulullah saw menukar namanya kepada Madinah berdasarkan sabda nabi saw: "Aku diperintahkan (berhijrah ke) daerah yang akan melahap (menguasai) daerah-daerah lainnya. Daerah ini mereka sebut Yatsrib, yaitu Madinah." (hadis riwayat Muslim)

### ٦- الأمور التي تؤدي إلى فساد النية

وفي الحديث أنه لا تصح العبادة من المجنون، لأنه ليس من أهل النية، والصوم، والحج، ونحوها، ولا عقوده كالبيع، والمبة، والنكاح. وكذلك لا يصح منه الطلاق، ولا يجب عليه القصاص والحدود. والغافل لا تكليف عليه، لأن القصد يستلزم العمل بالمقصود، والغافل غير قاصد.

\* الإخلاص شرط في قبول الأعمال. ولذلك يجب على كل مسلم دائماً المحافظة على نياتهم، ومراعاتها في كل عمل لينالوا ثواباً عند الله.

### ٧- ما يرشد إليه الحديث

١. الحث على الإخلاص في العمل والعبادة، حتى تحصل على الأجر والشواب في الآخرة، والتوفيق والفلاح في الدنيا.
٢. كل عمل نافع وخير يصبح عبادة بالنية، والإخلاص، وابتغاء رضا الله.
٣. لا تصح العبادة من الكافر أو المجنون، لأنهما ليسا من أهل العبادة.

\*\* هل تعلم؟

يشرب هو الاسم السابق للمدينة المنورة قبل الهجرة النبوية للرسول ﷺ . قال الإمام النووي: إنما كره تسميتها يشرب لأنه التشريب، وهو التوبيخ واللامامة، وكان النبي ﷺ يحب الاسم الحسن، ويكره الاسم القبيح. ولذا غير النبي ﷺ اسمها إلى المدينة لقوله ﷺ : "أُمِرْتُ بِقَرْبَةٍ تَأْكُلُ الْفَرْيَ، يَقُولُونَ لَهَا يَشْرِبُ، وَهِيَ الْمَدِينَةُ". (رواه مسلم)

## Pelajaran 2

**RUKUN ISLAM****\* Membaca Hadis Dengan Bacaan Yang Betul**

Daripada Abdullah bin Umar r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: Islam dibina atas lima perkara : kesaksian bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan bahawa Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, membayar zakat, haji, dan puasa pada bulan Ramadan.

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**\* Perbendaharaan Kata Terpilih**

**(بني)** Kata kerja masa lalu dalam bentuk pasif daripada perkataan (telah membina

- sedang/akan membina - binaan) iaitu asas.

**(شهادة)** Pengakuan dan pengesahan/membenarkan

**(الله)** Lafaz yang maha agung

**\* Huraian Hadis Secara Umum**

Maksud hadis ini ialah Islam diasaskan di atas lima rukun. Ianya seperti asas dan tiang bagi bangunannya. Bangunan tidak teguh tanpanya. Perkara-perkara Islam yang lain adalah sebagai pelengkap binaan. Islam akan runtuh dengan ketiadaannya secara keseluruhan tanpa ragu-ragu lagi. Begitu juga Islam akan hilang dengan ketiadaan dua kalimah syahadah. Manakala mendirikan solat telah dinyatakan oleh banyak hadis yang menunjukkan hukum orang yang meninggalkannya adalah telah keluar dari Islam. Begitu juga sebahagian ulamak berpendapat bahawa orang yang meninggalkan mana-mana rukun Islam yang lima itu secara sengaja maka dia adalah fasik.

**أركان الإسلام****١- قراءة الحديث قراءة صحيحة**

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: بني الإسلام على خمس: شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله، وإقام الصلاة، وإيتاء الزكاة، والحج، وصوم رمضان.

(رواه البخاري ومسلم)

**٢- معاني الكلمات المختارة**

**بني** : فعل ماض مبني للمجهول من (بني - يبني - بناء) أى أسس.

**شهادة** : أى الإقرار والتصديق

**الله** : لفظ الجلالة

**٣- شرح الحديث إجمالاً**

المراد من هذا الحديث، أن الإسلام مبني على هذه الخمسة، فهي كالأركان والدعائم لبنيانه، فلا يثبت البنيان بدونها، وبقيمة حصال الإسلام كتمامة البنيان. فإن الإسلام يزول بفقدتها جميعها بغير إشكال، وكذلك يزول بفقد الشهادتين. وأما إقام الصلاة، فقد وردت أحاديث متعددة تشير إلى حكم من تركها بأنه قد خرج من الإسلام. وكذلك، فقد ذهب طائفة إلى أن من ترك شيئاً من أركان الإسلام الخمسة عمداً، أنه فاسق بذلك.

### \* Perkara Yang Membatalkan Islam

- Syirik dalam ibadah kepada Allah.
- Orang yang menjadikan di antaranya dan Allah swt ada perantaraan sebagai tempat mereka berdoa dan bertawakal.
- Orang yang tidak menkafirkan orang musyrik atau meragui kekufuran mereka.
- Orang yang menyakini bahawa petunjuk lain daripada petunjuk Rasulullah saw adalah lebih sempurnakan.
- Sihir : menghalalkannya dan redha dengannya.

\*\* Sesiapa yang melaksanakan semua rukun Islam dengan sempurna, maka dia adalah seorang muslim yang sempurna iman. Dan sesiapa yang meninggalkan semua rukun tersebut, maka dia seorang kafir yang nyata. Sesiapa yang menafikan satu rukun daripada rukun-rukun tersebut, maka dia bukan orang Islam mengikut ijmak ulamak. Sesiapa yang beriktiqad dengan semua rukun tersebut dan dia mengabaikan salah satu dari rukun tersebut selain kalimah syahadah kerana malas, maka dia adalah fasik. Dan sesiapa yang melakukan amalan dan hanya mengakuinya dengan lidahnya sebagai menunjuk-nunjuk, maka dia adalah munafik

### \* Pengajaran Daripada Hadis

- Kesaksian bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah adalah rukun pertama daripada rukun-rukun Islam.
- Menerangkan bahawa kesempurnaan dan lengkapnya Islam itu mestilah ada lima perkara tersebut.
- Rukun-rukun ini saling berkait antara satu sama lain.

### ٤ - نواقض الإسلام

١. الشرك في عبادة الله.
٢. من جعل بينه وبين الله وسائل يدعوهم ويتوكل عليهم.
٣. من لم يكفر المشركين أو شك في كفرهم.
٤. من اعتقد أن غير هدي النبي صلى الله عليه وسلم أكمل من هديه.
٥. السحر: استحلاله والرضا به.

\*\* من أتى بأركان الإسلام كاملة، كان مسلماً كاملاً بالإيمان. ومن تركها جميعاً، كان كافراً قطعاً. ومن أنكر واحدة منها، كان غير مسلم بالإجماع. ومن اعتقد بها جميعاً، وأهمل واحدة منها غير الشهادة كصلاً، فهو فاسق. ومن أتى الأعمال، وأقرّ بسانده بمحاملاة، فهو منافق.

### ٥ - ما يرشد إليه الحديث

١. شهادة أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله هو الركن الأول من أركان الإسلام.
٢. بيان كمال الإسلام وقامه لا بد له من تلك الأمور الخمسة.
٣. ربط الأركان بعضها ببعض.

\*\*Adakah anda tahu?

Solat adalah antara perkara penting yang diberi perhatian oleh Islam ke atas umat Islam. Ia adalah ibadah wajib yang tidak boleh ditinggalkan oleh mukallaf, bahkan antara wasiat terakhir Nabi saw adalah Solat.

Daripada Ali r.a berkata: Kata-kata terakhir dari Rasulullah saw adalah: "(Takutlah kalian kepada Allah tentang) solat, , takutlah kalian kepada Allah mengenai apa yang kalian miliki" ..

(hadis riwayat. Abu Daud)

\*\*Adakah anda hafal?

#### Doa agar sentiasa mendirikan Solat

"Wahai Tuhanaku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku".

Surah Ibrahim : 40

\*\* هل تعلم ؟

كانت الصلاة من أهم ما يعني الإسلام على أمته. وهي عبادة واجبة لا يجوز للمكلف أن يعتذر عنها. بل، من آخر وصايا النبي ﷺ هو الصلاة. عن علي رضي الله عنه، قال: كان آخر كلام رسول الله ﷺ : الصَّلَاةُ أَنْفَعُ الْمَلَائِكَةِ أَهْمَائُكُمْ . (رواه أبو داود)

\* هل تحفظ ؟

#### دعاة الاستقامة على الصلاة

(رَبِّ أَجْعَلَنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلَ دُعَاءِ)

سورة إبراهيم ١٤ : ٤٠

## Pelajaran 3:

## PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

## \* Membaca Hadis Dengan Bacaan Yang Betul

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Nabi saw hadir di hadapan orang ramai. Kemudian seorang lelaki datang kepadanya dan bertanya: Apa itu iman?. Nabi saw menjelaskan: "Iman ialah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, hari akhirat dan hendaklah kamu beriman kepada takdir Allah yang baik dan yang buruk. Lelaki itu bertanya lagi: Apa itu Islam?. Baginda menjawab: Islam itu ialah kamu bersaksi (bersyahadah) bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan bahwasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah, dan hendaklah kamu mendirikan solat, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji ke Baitullah jika kamu mampu mengerjakannya. Lelaki itu bertanya lagi: Apa itu ihsan?. Baginda menjawab: kamu beribadah kepada Allah seolah-olah kamu melihat-Nya. Sekiranya kamu tidak dapat melihat-Nya sesungguhnya Allah sentiasa melihat kamu.

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

## \* Perbendaharaan Kata terpilih

**بارزا يوما للناس :** أي ظاهرا لهم و جالسا معهم

**فأتاهم رجل :** أي ملك في صورة رجل

**ما الإيمان؟ :** قيل قدم السؤال عن الإيمان

**المفروضة :** المكتوبة

## \* Huraian Hadis Secara Umum

Hadis ini adalah kedudukannya begitu besar/penting dalam menjelaskan agama secara keseluruhannya. Ianya menerangkan tahap Islam, tahap iman dan tahap ihsan, seterusnya menjadikan perkara tersebut semuanya sebagai agama. Imam al-Nawawi berkata: "Ketahuilah bahawa hadis ini menghimpunkan pelbagai jenis ilmu, pengetahuan, adab dan akhlak yang baik, bahkan ianya adalah hakikat Islam.

## مفهوم الإسلام والإيمان والإحسان

## ١- قراءة الحديث قراءة صحيحة

عن أبي هريرة، قال: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَارِزًا يَوْمًا لِلنَّاسِ. فَأَتَاهُ رَجُلٌ، فَقَالَ: مَا الإِيمَانُ؟ قَالَ: إِيمَانُ أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ، وَكِتَابِهِ، وَبِلِقَاءِهِ، وَرَسُولِهِ وَتُؤْمِنَ بِالْبَعْثَةِ. قَالَ: مَا إِلَّا إِسْلَامٌ؟ قَالَ: إِلَّا إِسْلَامٌ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهُ، وَلَا تُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا، وَتَقِيمَ الصَّلَاةَ، وَتَؤْدِيَ الرَّكَاتَ الْمُفْرُوضَةَ، وَتَصُومَ رَمَضَانَ. قَالَ: مَا الْإِحْسَانُ؟ قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ. فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ، فَإِنَّهُ يَرَاكُ.

(رواوه البخاري و مسلم)

## ٢- معانى الكلمات المختارة

**بارزا يوما للناس :** أي ظاهرا لهم و جالسا معهم

**فأتاهم رجل :** أي ملك في صورة رجل

**ما الإيمان؟ :** قيل قدم السؤال عن الإيمان

**المفروضة :** المكتوبة

## ٣- شرح الحديث إجمالا

هذا الحديث عظيم الشأن جدا على شرح الدين كلها. وأنه شرح درجة الإسلام، ودرجة الإيمان، ودرجة الإحسان، فجعل ذلك كله دينا. قال الإمام النووي: واعلم أن هذا الحديث يجمع أنواعا من العلوم، والمعارف، والأداب، واللطائف، بل هو أصل الإسلام .

### \* Sebab Datangnya Hadis

Jibril datang menemui Nabi saw dan para sahabatnya dalam bentuk seorang lelaki yang mengajarkan manusia asas agama mereka. Dia bertanyakan kepada baginda tentang iman, Islam dan ihsan. Lalu nabi saw menerangkan kepadanya perkara tersebut.

### \* Kepentingan berpegang dengan Islam, iman dan ihsan

#### Pentingnya berpegang dengan Islam

- Islam adalah agama yang memuliakan seseorang dan memelihara kepentingan masyarakat.
- Islam adalah agama perundangan yang lengkap dan sesuai dilaksanakan dalam setiap keadaan dan masa.
- Islam adalah agama yang mengikat antara hati-hati orang yang beriman dengan ikatan yang kukuh, maka mereka akan saling tolong menolong pada perkara kebaikan dan takwa.
- Islam adalah agama keadilan, kesamarataan dan akhlak mulia serta memerangi semua bentuk ketidakadilan dan kerosakan.

#### Pentingnya berpegang dengan iman

- Iman adalah asas agama.
- Orang yang tidak ada iman, maka dia telah sesat begitu jauh.
- Iman adalah cara yang paling penting dalam menjaga diri dan masyarakat.
- Iman menghasilkan kebahagiaan dan keamanan yang sempurna di dunia dan akhirat.
- Iman mempunyai petunjuk/tanda yang kukuh yang mendorong kepada kestabilan jiwa dan ketenangan.

### ٤ - سبب ورود الحديث

أن حبريل جاء إلى النبي ﷺ وأصحابه في صورة رجل يعلم الناس أساس دينهم. فيسأله عن الإيمان والإسلام والإحسان، فذكره النبي ﷺ له.

### ٥ - أهمية التمسك بالإسلام والإيمان والإحسان

#### أهمية التمسك بالإسلام

١. الإسلام دين تكريم الفرد والحفاظ على مصالح الجماعة.
٢. الإسلام دين التشريع الكامل الصالح للتطبيق في كل بيئة وزمان.
٣. الإسلام دين الترابط بين قلوب المؤمنين برباط متين فيتعاونون على البر والتقوى.
٤. الإسلام دين العدل والمساواة ومكارم الأخلاق ويحارب كل صور الظلم والفساد.

#### أهمية التمسك بالإيمان

١. إن الإيمان هو أصل الدين.
٢. من لا إيمان له، فقد ضل ضلالا بعيدا.
٣. الإيمان هو أهم وسائل في حفظ النفس والمجتمع.
٤. يحقق الإيمان السعادة والأمن الشامل في الدنيا والآخرة.
٥. إن للإيمان دلالة قوية تدعو حالة الاستقرار النفسي والسكينة.

## أهمية التمسك بالإحسان

١. إن الله يحب المرء المحسن في كل أعماله.
٢. الإحسان يشرل الإخلاص لوجه الله تعالى في العمل الصالح.
٣. الإحسان هو أفضل منازل العبودية بتتنمية المقاصد من الشوائب.
٤. أصحاب الإحسان هم السعداء بمعية الله ورعايته ولطفه ورحمته.
٥. الإحسان يشمل دائرة الحياة كلها، وما فيها من نبات أو حيوان أو جماد.

\*\* هل تحفظ؟

## دعاء يقال في الصلاة

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا ، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ ، وَارْتَمِنِي إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّجِيمُ

(رواوه البخاري)

\*\* هل تعلم؟

إذا قرن الإسلام بالإيمان، فالمقصود بالإسلام: الأعمال الظاهرة وهي الأركان الخمسة، والمقصود بالإيمان: الأعمال الباطنة وهي أركان الإيمان الستة. وإذا انفرد أحدهما شمل معنى الآخر وحكمه.

## Pentingnya berpegang dengan ihsan

- Allah swt mengasihi orang yang baik dalam semua kerja/amalannya.
- Ikhwan membuatkan keikhlasan kerana Allah swt dalam kerja/amalan yang baik.
- Ihsan adalah tahap kehambaan yang paling tinggi kerana ia hanya membersihkan tujuan setiap perbuatan itu daripada kekotoran.
- Orang yang mempunyai sifat ihsan, mereka bahagia bersama Allah swt, di bawah perliharaanNya, kelembutanNya dan rahmatNya.
- Ikhsan merangkumi seluruh lingkaran kehidupan, tumbuhan, haiwan atau benda yang tidak hidup.

\*\* Adakah anda hafal?

### Doa ketika Solat

"Ya Allah, saya telah banyak menganiaya diri sendiri, tidak ada yang dapat mengampuni dosa kecuali Engkau. Maka berilah saya keampunan dari sisi-Mu, kasihanilah saya, sesungguhnya Engkau maha pengampun dan maha penyayang".

(Hadis riwayat Bukhari)

\*\* Adakah anda tahu?

Apabila Islam disertakan dengan iman, maka Islam bermaksud : Amalan yang zahir iaitu rukun Islam yang lima dan iman bermaksud : Amalan batin iaitu rukun Iman yang enam. Apabila salah satu daripada keduanya (Islam / iman) disebut secara berasingan maka ia merangkumi maksud dan hukum perkara yang satu lagi.

\*\* Seseorang hamba itu perlu merasakan dekat dengan Allah dan kebersamaannya ketika beribadat. Ia merangkumi dua maqam (peringkat):

**Pertama:** Maqam muraqabah iaitu seseorang hamba beramal untuk dapat merasakan Allah melihatnya, memerhatinya dan dekat dengannya.

**Kedua:** Maqam Musyahadah iaitu seseorang hamba beramal untuk dapat merasakan melihat Allah swt dengan hatinya, maka hati bercahaya dengan keimanan.

#### \* Pengajaran Daripada Hadis

- Hadis ini menunjukkan beberapa adab bagi penuntut ilmu (pelajar)
- Hadis ini merangkumi semua amalan/perbuatan zahir (lahiriah) dan batin (dalaman).
- Hadis ini memberi pertunjuk/panduan beberapa adab guru bersama pelajar-pelajarnya.
- Orang yang dapat melakukan dengan sempurna asas/rukun Islam yang lima ini, maka dia akan menjadi seorang muslim yang sebenar.

\*\* ينبغي على العبد أن يستحضر قرب الله ومعيته في العبادة، وإنه يشتمل على المقامين:  
أولاً: مقام المراقبة، وهو أن يعمل العبد على استحضار مشاهدة الله إياه، واطلاعه عليه، وقربه منه.

ثانياً : مقام المشاهدة، وهو أن يعمل العبد على استحضار مشاهدته للله بقلبه، فيتتّر القلب بالإيمان.

#### ٦ - ما يرشد إليه الحديث

١. دل الحديث على بعض الآداب لطلاب العلم.
٢. هذا الحديث يشمل الأعمال الظاهرة والباطنة.
٣. أرشد الحديث إلى بعض آداب العالم مع تلاميذه.
٤. من أكمل الإitan بمباني الإسلام الخمسة، صار مسلماً حقاً.

\*\* Adakah anda Hafal ?

\*\* هل تحفظ ؟

### Doa Akhir Surah al Baqarah

"Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".

Surah al Baqarah : 286

### دعا في آخر سورة البقرة

(رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتُهُ وَعَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

سورة البقرة ٢ : ٢٨٦

## Pelajaran 4

**KEMANISAN IMAN**

\* Membaca hadis dengan bacaan yang betul

Dari Anas bin Malik r.a dari Nabi saw bersabda: "Tiga perkara yang apabila ada pada diri seseorang itu, dia akan dapat kemanisan iman: Allah dan Rasul-Nya adalah lebih dicintainya berbanding yang lainnya. Jika ia mencintai seseorang, dia tidak mencintainya kecuali kerana Allah. Dan dia benci kembali kepada kekufuran seperti dia benci bila dilempar ke neraka.

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

\* Perbendaharaan Kata terpilih

ثلاث (ثلاث) tiga perkara atau sifat

من كن (من كن) ada dan terhasil

حلاوة الإيمان (حلاوة الإيمان) merasai kemanisan dan cenderong hati padanya

أن يعود في الكفر (أن يعود في الكفر) kembali menjadi kufur

\*\* Adakah anda hafal ?

**Doa Mohon Kemanisan Iman**

"Ya Allah, kami memohon padaMu Ssesungguhnya Engkaulah Allah, tidak ada tuhan melainkan Engkau, Engkau memberi kemanisan iman dan tidak ada kepahitan selepasnya, memberikan iman dan tidak ada kufur selepasnya, memberikan kebahagiaan tanpa kesengsaraan, dan rahmat tanpa azab sesudahnya, Ya Allah, tuhan semesta alam".

**حلاوة الإيمان****١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة**

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةً الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مَا سِوَاهُمَا، وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءُ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ، وَأَنْ يَكُرْهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكُرْهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ.

(رواه البخاري و مسلم)

**٢ - معاني الكلمات المختارة**

**ثلاث** : أي ثلات خصال أو صفات

**من كن** : أي وجدن وحصلن

**حلاوة الإيمان** : هو الالتزام وميل القلب إليه

**أن يعود في الكفر** : أي يصير إلى الكفر

هل تحفظ ؟

**دعاء لطلب حلاوة الإيمان**

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ بِأَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ تَرْزَقُنَا حَلَاوَةً لَا مَرَأَةً بَعْدَهَا، وَإِنَّا لَا كُفَراً بَعْدَهَا، وَسَعَادَةً لَا شَقاءً بَعْدَهَا، وَرَحْمَةً لَا عَذَابَ بَعْدَهَا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

### ٣ - شرح الحديث إجمالاً

الإيمان بالله حلاوة ولذة. وهذه الحلاوة لا يذوقها كل المرء، بل يذوقها من توفرت فيه ثلاثة خصال. وهذه الخصال الثلاثة جاءت في الحديث عن الرسول ﷺ، وهي: محبة الله ورسوله أكثر مما سواهما، ومحبة المرء في الله، وكراهة العودة إلى الكفر. فمن توفرت فيه هذه الخصال، فإنه يشعر حلاوة الإيمان بالله الذي لا إله إلا هو الواحد المعبد، والذي كان من أجله كان الوجود.

\* ينبغي على المسلم الدعاء له بأن يمن عليه حلاوة الإيمان، وأن يذيقه لذة العبودية للرحمٰن. فما دعا عبد ربه إلا استجابه. وعلى المسلم التفقه في الدين، ومعرفة سبيل الطاعة لرب العالمين.

### ٤ - علامات حلاوة الإيمان

#### ٤ - تanda kemanisan iman

- Cinta Allah swt dan Rasulullah saw

**Perkara pertama:**

Anda akan mendapat kasih/cinta Allah swt dan Rasulullah saw dengan melakukan perkara wajib dan sunat serta tidak menyalahi perintah kedua-duanya. Apabila perkara tersebut telah tersedia pada seseorang hamba Allah swt, maka kasih/cinta itu adalah semata-mata kerana Allah swt dan Rasulullah saw.

- Cinta/kasih kepada seseorang itu kerana Allah

**Perkara kedua:**

Anda akan mendapat kasih kepada seseorang itu kerana Allah swt dan benci kepada seseorang itu juga kerana Allah swt.

- محبة الله ورسوله ﷺ

**الخصلة الأولى :** أن تحصل محبة الله ورسوله صلى الله عليه وسلم بفعل الواجبات والمندوبات وعدم مخالفتها. فإذا تهيأ للعبد ذلك، كان محبًا خالصاً لله سبحانه وتعالى ورسوله صلى الله عليه وسلم.

- محبة المرء في الله

**الخصلة الثانية:** أن تحصل الحب في الله، والبغض في الله سبحانه وتعالى.

- Benci untuk kembali kepada kekufuran dan takut perkara tersebut berlaku padanya.

#### **Perkara ketiga:**

Perkara ini datang selepas cinta dan benci hanya kerana Allah swt. Kerana itulah, apabila iman telah masuk ke dalam hati seseorang dan membenarkannya, maka tanda utama tentang kebenarannya ialah rasa takut/benci untuk kembali kepada kekufuran.

### 5 – Pengajaran daripada hadis

- Iman adalah kemanisan dan kelazatan yang dirasakan oleh golongan muqarrabin (orang yang dekat dengan Allah swt).
- Galakan agar manusia ikhlas dan menyucikan cintanya hanya untuk Allah swt.
- Galakan agar mematuhi perintah Allah swt dan menjauhi laranganNya untuk mencapai kasih sayang Allah swt dan Rasul-Nya saw.

\*\* Adakah anda tahu?

Mencintai Rasulullah saw adalah bukti cintakan Allah swt. Caranya dengan mengikuti semua yang dibawa oleh nabi saw iaitu perintah dan larangan Allah swt. Cinta ini memerlukan kasih sayang dan pengampunan Allah swt.

Firman Allah swt:

"Katakanlah (wahai Muhammad): "Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

Surah Al - Imran 3: 31

\*\* Adakah anda hafal ?

#### **Doa bersyukur di atas nikmat yang diberikan**

" Wahai Tuhaniku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatMu yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redhai; dan masukkanlah daku - dengan limpah rahmatMu - dalam kumpulan hamba-hambaMu yang soleh".

(Surah an Naml : 19)

#### **• كراهة العودة إلى الكفر والخوف منه**

**الخصلة الثالثة:** جاءت بعد الحب في الله والبغض في الله. ولذلك، إذا دخل الإيمان في قلب العبد وصدقه، فإن من أبرز الدلائل على صدقه، هو خوفه من العودة إلى الكفر.

#### **٥- ما يرشد إليه الحديث**

- إِنَّ الْإِيمَانَ حَلاوةً وَلَذَةً يُحِسِّنُهَا الْمُقْرِبُونَ.
- الْحَثُّ عَلَى إِخْلَاصِ مُحَبَّةِ النَّاسِ وَتَحْيِصَاهُ اللَّهُ سَبَّحَهُ وَتَعَالَى.
- الْحَثُّ عَلَى اتِّبَاعِ الأَوْامِرِ وَاجْتِنَابِ النَّوَاهِي لَنِيلِ مُحَبَّةِ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ﷺ.

\*\* هل تعلم ؟

حبة الرسول ﷺ دليل على محبة الله سبحانه وتعالى. وذلك باتباع كل ما جاء به النبي ﷺ من أوامر الله تعالى ونواهيه. وهذه الحبة تستوجب محبة الله ومغفرته. قال الله تعالى :

فُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّوْنَ اللَّهَ فَأَتَتِيُّوْنِي يُحِبِّكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

سورة آل عمران ٣ : ٢١

\*\* هل تحفظ ؟

#### **دعاء للشكر على النعم**

(رَبِّ أَوْزِعُنِي أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَى وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَهُ وَأَدْخِلَنِي بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ )

سورة النمل ٢٧ : ١٩

**TANDA-TANDA MUNAFIK****\* Membaca Hadis Dengan Bacaan Yang Betul**

Dari Abu Hurairah r.a dari Nabi saw, baginda bersabda: "Tanda munafik ada tiga; jika berbicara dia dusta, jika berjanji ia memungkiri janji dan jika diberi amanah dia khianat".

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**\* Perbendaharaan Kata Terpilih**

(آية) tanda

memberitahu sesuatu berita/perkara yang akan berlaku pada masa akan datang

membuatkan janji itu menjadi sebaliknya dengan cara tidak menunaikan janjinya

dibaca dengan bentuk majhul (pasif), diberikan amanah

mengkhianati perkara yang diamanahkan.

**Khianat:** Menguruskan amanah dengan cara menyalahi perintah Syarak.

\*\* Adakah anda tahu?

Nifaq i'tiqad adalah nifaq yang paling besar yang mana seseorang itu menzahirkan Islam dan menyembunyikan kekufturan. Bentuk ini adalah terkeluar dari Islam dan orang tersebut kekal di dalam api neraka yang paling bawah. Allah swt berfirman: "Sesungguhnya orang-orang munafik itu ditempatkan pada tingkatan yang terkebawah sekali dari (lapisan-lapisan dalam) neraka. Dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat sesiapa pun yang boleh menolong mereka".

Surah an-Nisa' : 145

Antara orang yang terkenal dengan sifat kemunafikan dalam sejarah Islam ialah Abdullah bin Ubai Ibn Salul.

**علامات النفاق****١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة**

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أَوْتَمَ خَانَ. (رواه البخاري و مسلم)

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

آية : أى عالمة

وَإِذَا وَعَدَ : أى أخبار بخير في المستقبل

أَخْلَفَ : أى جعل الوعيد خلافاً لأن لم يف بوعده

وَإِذَا أَوْتَمَ : بالبناء للمجهول، أى جعل أمينا

خَانَ : أى في ما أؤمن. الخيانة: التصرف في الأمانة بخلاف أمر الشرع.

\*\* هل تعلم ؟

النفاق الاعتقادي هو النفاق الأكبر الذي يظهر صاحبه الإسلام ويبيطن الكفر. وهذا النوع

خرج من الإسلام وصاحبته مخلد في الدرك الأسفل من النار. قال الله تعالى:

(إِنَّ الْمُنَافِقِينَ فِي الدَّرْكِ الْأَسْفَلِ مِنَ النَّاسِ وَلَنْ تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا)

سورة النساء ٤ : ١٤٥

ومن أشهر من اشتهر بالنفاق في التاريخ الإسلامي هو عبد الله بن أبي بن سلول.

### \* Huraian Hadis Secara Umum

Allah swt dengan kebijaksanaanNya meletakkan orang-orang yang mendusta di tempat yang sesuai dengan mereka. Mereka menjadi tempat celaan orang dan tidak dipercayai. Itulah balasan orang-orang yang mendusta. Ketahuilah, antara akhlak yang mulia ialah seseorang itu melayani orang lain dengan kata-kata nasihat dan layanan yang baik. Layani mereka dengan cara yang mereka suka. Layani mereka dengan cara yang jelas, maka janganlah mengkhianati, berdusta dan menipu. Sifat khianat, berdusta dan menipu adalah sifat tercela yang mana agama Islam memberi amaran (agar menjauhinya) dan setiap akal yang waras akan mencelanya. Perkara ini adalah antara kerosakan di dunia. Seorang Muslim perlu menjaga lidahnya agar hanya berkata-kata pada perkara kebaikan. Sesungguhnya diam itu adalah (lebih) selamat. (السلامة) Keharmonian itu tidak ada tolak bandingnya.

### \* Sebab datangnya hadis ini

Al Khattabi meriwayatkan daripada sebahagian ulamak bahawa hadis tersebut berkenaan dengan seorang lelaki yang sebenarnya seorang munafik. Nabi saw tidak menyatakan dengan jelas: Si fulan itu munafik, tetapi baginda hanya menunjukkan isyarat/tanda sahaja.

\*\* Adakah anda hafal ?

#### **Doa minta dijauhi dari sifat munafik**

"Ya Allah aku berlindung denganMu daripada sering bertelingakan, nifaq (kepura-puraan) dan akhlak yang buruk".

(hadis riwayat Abu Daud)

### 5 – Maksud nifaq (sifat kepura-puraan)

Nifaq dari sudut bahasa : Perkara yang disembunyikan bertentangan dengan perkara yang dizahirkan. Sekiranya nifaq itu pada pegangan iman seseorang, maka ia adalah nifaq kufur. Sekiranya tidak, maka ia adalah nifaq amalan, ianya wujud ketika melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara. Nifaq ini juga berbeza kedudukannya.

### ٣ - شرح الحديث إجمالاً

والله سبحانه وتعالى بحكمته وضع الكاذبين في الموضع اللائق بهم، فكانوا مخلاً لللقدح وعدم الثقة، وذلك جزاء الكاذبين. ألا وإن من مكارم الأخلاق، أن يعامل الرجل الناس بالنصيحة والمعاملة الحسنة، يعاملهم بما يجب أن يعاملوه به. يعاملهم بالصراحة، فلا يخونون، ولا يغدر، ولا يغش. فالخيانة والغدر والغش أخلاق ذميمة يحدنر منها الدين، ويستقبها كل عقل سليم، وهي من الفساد في الأرض. فينبغي للمسلم أن يحفظ لسانه عن الكلام، إلا كلاماً ظهرت فيه المصلحة. فإن في السكوت سلامة، والسلامة لا يعدها شيء.

### ٤ - سبب ورود الحديث

حکی الخطابی عن بعضهم أن الحديث ورد في رجل بعينه منافق. وكان النبي ﷺ لا يواجههم بصريح القول، فيقول: "فلان منافق". إنما يشير إشارة.

\*\* هل تحفظ ؟

#### دعاء الاستعاذه من النفاق

اللهم إني أعوذ بك من الشقاق والنفاق وسوء الأخلاق.

(رواه أبو داود)

### ٥ - مفهوم النفاق

النفاق لغة: مخالفة الباطن للظاهر. فإن كان في اعتقاد الإيمان، فهو نفاق الكفر. وإلا، فهو نفاق العمل. ويدخل فيه الفعل، والترك، وتفاوت مراتبه.

Nifaq dalam neraca Syariah terbahagi kepada dua bahagian:

1. Sifat munafik paling besar – iaitu menzahirkan Islam dan menyembunyikan kufur
2. Sifat munafik paling kecil - iaitu nifaq pada amalan, tubuh badannya nampak seperti khusyu (merendahkan diri), sedangkan hatinya tidak khusyuk.

\*\* Adakah anda tahu?

Abdullah bin Ubai dan kumpulannya telah mengejek orang-orang beriman yang lemah dan golongan Muhajirin yang miskin. Mereka berkata: Lihatlah mereka yang dikatakan oleh Muhammad bahawa dia dapat mengatasi/menyesuaikan masalah mereka. Lalu turunlah ayat 212 dari Surah al-Baqarah, dan pandangan ini telah dipilih oleh beberapa ulamak tafsir.

Firman Allah swt:

“Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombang dan) memandang rendah kepada orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertaqwa (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (yang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah), Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturanNya)”.

(Surah al Baqarah : 212)

#### 6 - Tanda sifat munafik

Tanda sifat munafik itu banyak, antaranya:

1. Pengkhianatan dalam perjanjian
2. Melampaui dalam perbalahan
3. Berdusta ketika berbicara
4. Mengkhianati amanah
5. Memungkiri janji

ينقسم النفاق في ميزان الشرع إلى قسمين:

١. النفاق الأكبر – وهو أن يظهر الإسلام ويطن الكفر
٢. النفاق الأصغر – وهو نفاق العمل، خاشع الجسد، والقلب ليس بخاشع

\*\* هل تعلم ؟

كان عبد الله بن أبي وحبيه يسخرون من ضعفاء المؤمنين وفقراء المهاجرين، ويقولون: انظروا إلى هؤلاء الذين يزعم محمد ﷺ أنه يغلب عليهم. فنزلت الآية ٢١٢ من سورة البقرة، وهذا الرأي قد احتاره بعض المفسرين.

(رُّبِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا أَحْيَوْا الْأَنْيَمَةَ وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ أَتَقَوْا فَوْقَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ) سورة البقرة : ٢١٢

#### ٦ - علامات النفاق

علامات النفاق كثيرة، منها:

١. الغدر في المعاهدات
٢. الفجور في المحاصمة
٣. الكذب في الحديث
٤. الخيانة في الأمانة
٥. الخلف في الوعد

## 7. Bahaya sifat munafik

Rasulullah saw memberi amaran kepada orang yang beriman tentang sifat-sifat buruk yang tidak sesuai dengan orang muslim, dan memberi amaran kepada mereka kerosakan lidah, amalan dan niat. Nifaq adalah penyakit yang bahaya dan kesalahan yang besar. Ianya menzahirkan Islam dan menyembunyikan kekufturan. Nifaq lebih bahaya daripada kufur dan balasannya lebih berat, kerana Kekufuran itu dipakai dengan pakaian Islam dan kemudaratannya lebih besar.

يحذر الرسول صلى الله عليه وسلم المؤمنين من خصال السوء التي لا تليق بالمسلم، ويحذرهم من آفات اللسان والعمل والنية. إن النفاق مرض خطير وحرج كبير، وهو إظهار الإسلام وإبطان الكفر. والنفاق أخطر من الكفر وعقوبته أشد، لأنه كفر بلباس الإسلام وضرره أعظم.

## 8- Pengajaran daripada hadis

1. Antara janji yang wajib ditunaikan / dipenuhi oleh seseorang janjinya dengan Allah swt dan Rasul-Nya untuk mentaatiNya dan mematuhi dengan pelbagai bentuk ibadat yang lain dan menuainkannya.
2. Antara ciri-ciri orang yang beriman: bercakap benar, menjaga amanah, adil dan memenuhi janji.
3. Rasulullah saw memberi amaran dari bersifat dusta dan khianat, kerana ia adalah antara sifat-sifat orang munafik.
4. Menyalahi janji menunjukkan sikap tidak menghormati orang lain.
5. Berdusta dan khianat adalah antara sifat-sifat tercela.

\*\* Adakah anda hafal ?

### Doa minta dijauhi dari sifat tercela

“Ya Allah bersihkanlah hatiku dari nifaq, (bersihkanlah) amalku dari riya, (bersihkanlah) lisanku dari dusta, (bersihkanlah) mataku dari pengkhianatan. Sesungguhnya Engkau mengetahui pandangan mata yang khianat dan apa yang disembunyikan di dalam dada”.

(hadis riwayat al Baihaqi)

## - ٨ - ما يرشد إليه الحديث

١. من أعظم العهود التي يجب الوفاء بها العبد: العهد مع الله ورسوله ﷺ على طاعته، والالتزام بسائر صور العبادة، والوفاء.
٢. من صفات المؤمنين : صدق الحديث، وحفظ الأمانة، والعدل، والوفاء بالعهد.
٣. حذر الرسول ﷺ من الكذب والخيانة، لأنه من صفات المنافقين.
٤. إخلال الوعيد يدل على عدم احترام الآخرين.
٥. الكذب والخيانة من الصفات المذمومة.

\* هل تحفظ ؟

### دعا الخلوص من الصفات المذمومة

اللَّهُمَّ طَهِّرْ قَلْبِي مِنَ النُّفَاقِ، وَعَمَلِي مِنَ الرِّيَا، وَلِسَانِي مِنَ الْكَذِبِ، وَعَيْنِي مِنَ الْخَيَانَةِ، فَإِنَّكَ تَعْلَمُ خَائِنَةَ الْأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُورُ  
(رواه البيهقي)

\*\* Adakah anda tahu?

Mencegah dan menjauhkan diri daripada sifat nifaq adalah dengan merasakan Allah swt melihat apa yang tersembunyi dan nyata, ikhlaskan hati kepadaNya dalam setiap amalan dan takut akan wujudnya sifat munafik. Sentiasa berdoa dengan doa ma'thur tentang perkara tersebut, seterusnya merasakan/mengambarkan segala nikmat yang disediakan oleh Allah untuk hamba-hambaNya yang ikhlas dan azab yang disediakan untuk orang-orang munafik.

\*\* Allah swt telah jelaskan di dalam Al-Quran perbahasan tentang orang-orang munafik lebih daripada satu surah seperti Surah Al-Baqarah dan Surah Muhammad, bahkan Surah itu sendiri dinamakan dengan nama mereka "surah al-munafikun." Antara sifat mereka yang dinyatakan melalui surah-surah tersebut : melakukan kerosakan di muka bumi dengan kekufuran dan maksiat, sifat dengki dan kebencian terhadap Islam dan umat Islam. mereka menzahirkan Islam dan menyembunyikan kekufuran dalam hati mereka. Anda perlu mengkaji dan meneliti surah-surah ini supaya anda boleh berhati-hati dan berwaspada terhadap sifat dan tindakan jahat mereka.

\*\* هل تعلم ؟

إن الوقاية من النفاق والابتعاد عنه تكون بمراقبة الله سبحانه وتعالى في السر والعلانية، والإخلاص له في جميع الأعمال، والخوف من النفاق، وملازمة الأدعية المأثورة في ذلك، واستحضار ما أعد الله لعباده المخلصين من النعيم وما أعد للمنافقين من العذاب.

\*\* أفضّل الله في القرآن في الحديث عن المنافقين في أكثر من سورة مثل سورة البقرة وسورة محمد، بل إنه سمى سورة باسمهم "سورة المنافقين". ومن صفاتهم خلال هذه السور: الإفساد في الأرض بالكفر والمعصية، والحقد والبغض للإسلام والمسلمين، ويظهرون الإسلام ويطعنون الكفر. فعليكم أن تراجعوا وتتدبروا هذه السور لكي تتبعوها وتحذروا من صفاتهم وأعمالهم الخبيثة.

**Pelajaran 6:****Kelebihan Wuduk****1- Membaca Hadis dengan bacaan yang betul**

Daripada Nuaim al Mujmir berkata: saya naik ke masjid bersama Abu Hurairah kemudian berwuduk, beliau berkata: Aku mendengar nabi saw bersabda: "Sesungguhnya umatku dipanggil pada hari kiamat dalam keadaan berbahaya wajah-wajah, tangan-tangan dan kaki-kaki mereka kerana kesan wuduk, maka siapa yang ingin memanjangkannya maka lakukanlah"

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

**2- Perbendaharaan kata terpilih:**

**أمة** umat manusia yang menerima Islam iaitu orang Islam

**يدعون** diseru atau dinamakan

**غرا** warna putih yang bukan buruk di wajah. Yang dimaksudkan disini ialah cahaya yang ada pada wajah umat Muhammad saw

**محجلين** binatang yang mana kakinya berwarna putih. Yang dimaksudkan disini ialah cahaya (di kedua tangan dan kaki)

\*\* Adakah anda tahu?

Dr. Muhammad Ratib al-Nabulsi berkata tentang kebaikan berwuduk : Sesungguhnya wuduk dapat melindungi orang yang berwuduk (daripada penyakit) iaitu dengan menghalang pertumbuhan kulat antara jari kaki. Ia juga menghalang kulit daripada penyakit radang (jangkitan kulit), kulit bernanah, penyakit psoriasis (sejenis penyakit kulit), dan dapat mengurangkan risiko kanser kulit kerana wuduk menghilangkan bahan kimia sebelum ianya berkumpul dengan banyak pada kulit. Ada pendapat mengatakan: Bahan kimia tersebut berkumpul di permukaan kulit.

**فضل الوضوء**

١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة  
عَنْ نُعِيمِ الْمُجْمِرِ ، قَالَ : رَقِيتُ مَعَ أَيِّ هُرَيْرَةَ عَلَى طَهْرِ الْمَسْجِدِ ، فَتَوَضَّأَ ، فَعَالَ : إِنِّي سَيِّئُتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّ أُمَّتِي يُدْعَونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ غُرَّا مُحَجَّلِينَ مِنْ آثَارِ الْوُضُوءِ ، فَمَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يُطِيلَ عُرَرَةَ فَلْيَفْعَلْ . (رواه البخاري ومسلم)

**٢ - معانى الكلمات المختارة**

**أمة الإجابة** وهم المسلمين

**يدعون** : ينادون أو يسمون

**غرا** : الغرة هي بياض في الوجه غير فاحش. والمراد بها هنا، النور الكائن في وجوه أمة محمد صلى الله عليه وسلم.

**محجلين** : المحجل من الدواب التي قوائمها بيضاء. والمراد به هنا أيضا النور.

هل تعلم؟

قال الدكتور محمد راتب النابلسي عن فوائد الوضوء: وأن الوضوء يكفل للمتوضئ الوقاية من نمو الفطريات بين أصابع القدمين، كما يمنع إصابة الجلد من الالتهابات، والتقيحات، والتجمعات الصدئية، ويقلل من احتمال حدوث سرطانات الجلد، لأنه يزيل المواد الكيماوية قبل أن تتراءم، وقبل أن تتشكل على سطح الجلد.

### ٣ - شرح الحديث إجمالاً

يبشر النبي ﷺ أمهه بأن الله سبحانه وتعالى يخصهم بعلامة فضل وشرف يوم القيمة من بقية الأمم حيث يناديهم. فيأتون على رؤوس الخلاق تلائلاً وجوههم وأرجلهم بالنور. وذلك أثر من آثار هذه العبادة العظيمة، وهي الوضوء الذي كروه على هذه الأعضاء الشريفة ابتغاء مرضات الله وطلاها لشوابه.

هل تحفظ؟

دعاء عقب الوضوء

"أشهدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي  
من التَّوَابِينَ واجْعَلْنِي مِنَ الْمَتَّهِمِينَ" رواه الترمذى

### ٤ - سبب ورود الحديث

سبب ورود هذا الحديث كما في صحيح مسلم، أن نعيمًا بن عبد الله رأى أبا هريرة رضي الله عنه يتوضأ، فيغسل وجهه ويديه حتى كاد يصلح المنكبين. ثم غسل رجليه حتى رفع إلى الساقين. ثم قال: سمعت رسول الله ﷺ يقول، فذكر الحديث.

### ٥ - إتمام الوضوء شرط لكمال الصلاة

الوضوء هو أول مقاصد الطهارة كما مر، وقدمه لعمومه. وخصصت الأعضاء المخصوصة لأنها محل اكتساب الخطايا التي يكفرها الوضوء. وفرض مع فرضية الصلاة، وقيل: بعد ستة عشر شهراً من الهجرة. ولعلهم على هذا كانوا لا يصلون إلا به، لكن على سبيل الندب أو النظافة، لأنه من الشرائع القديمة.

### ٣ - Huraian hadis secara umum

Nabi saw memberi berita gembira kepada umatnya bahawa Allah swt memberi keistimewaan kepada mereka dengan tanda kelebihan dan kemuliaan pada hari kiamat berbanding umat-umat lain yang mana mereka dipanggil kemudia mereka datang di hadapan seluruh makhluk dalam keadaan muka dan kaki mereka bersinar dengan cahaya. Ini adalah kesan ibadat yang besar ini iaitu wuduk yang diulangi pada anggota tersebut kerana mengharapkan keredaan Allah swt dan mencari pahalaNya.

Adakah anda hafal?

#### Doa selepas Wuduk

"Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, dan Tiada sekutu baginya-Nya. Aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad itu hamba-Nya dan pesuruh-Nya. "Ya Allah! jadikan aku di kalangan orang yang bertaubat dan jadikan aku daripada orang yang menjaga kesucian dan jadikan aku daripada hamba-Mu yang soleh".

### ٤ - Sebab datangnya hadis ini

Sebab datangnya hadis ini sebagaimana terdapat dalam kitab Sahih Muslim, bahawa Nuaim bin Abdullah melihat Abu Hurairah ra berwuduk, lalu dibasuh muka dan kedua tangannya sehingga hampir had bahu, kemudian membasuh kedua kakinya sehingga sampai ke betis kemudian beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah saw bersabda, lalu beliau menyebut hadis tersebut.

### ٥ - Menyempurnakan wuduk adalah syarat kesempurnaan solat

Wuduk adalah tujuan bersuci dalam Islam yang pertama seperti yang telah dijelaskan, dan ianya didahulukan (berbanding perkara lain) kerana umumnya. Anggota tertentu saja dikhususkan kerana ianya adalah tempat berlakunya dosa yang dapat dihapuskan dengan berwuduk. Wuduk difardukan bersama kefarduan solat. Ada pendapat mengatakan: Wuduk difardukan selepas 16 bulan dari hijrah nabi saw. Mengikut pendapat ini, mungkin mereka tidak solat kecuali dengan wuduk, tetapi wuduk tersebut sebagai perkara sunat atau sebagai membersihkan anggota kerana ianya adalah sebahagian dari ajaran syariat terdahulu

Wuduk adalah perkara wajib yang perlu ada sebelum ditunaikan solat sama ada solat fardu atau solat sunat kerana firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali".

(Surat Al-Maida 6)

Ayat ini menunjukkan cara berwuduk. Manakala hadis pada tajuk ini menjelaskan kelebihan basuhan yang melebihi had yang wajib ketika wuduk. Perbuatan ini dikira sebagai satu cara untuk menyempurnakan wuduk, yang merupakan syarat bagi kesempurnaan solat. Solat yang dilakukan dengan wuduk yang sempurna sebelumnya dapat mencegah seseorang itu daripada terjerumus di dalam maksiat. Firman Allah swt : "Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar".

(Al-Ankabut : 45)

## 6. Kelebihan Wuduk

Kelebihan Wuduk itu banyak, antaranya:

- Wuduk adalah bersuci, Allah SWT mengasihi orang-orang yang bersuci dan bersuci itu adalah sebahagian daripada iman.
- Wuduk dan melakukan solat sunat dua rakaat selepasnya adalah dua sebab untuk masuk Syurga.
- Wuduk adalah penyebab diangkatkan kedudukan seseorang dan dihapuskan kejahatan.
- Wuduk dapat melindungi seorang muslim itu dari pandangan jahat dan sihir.
- Wuduk adalah penyebab diampunkan dosa.

\*\* Wahai orang Islam, ketahuilah bahawa sentiasa berwuduk adalah antara tanda iman kerana nabi saw bersabda : "Hendaklah kamu betulkan tujuan kamu dan dekatkan diri (kepada Allah swt), sesungguhnya sebaik-baik amalan kamu ialah solat. Tidaklah yang menjaga wuduk itu, kecuali orang yang beriman".

(hadis riwayat Ibnu Hibban)

الوضوء واجب قبل الصلاة فرضاً أو نفلاً لقوله سبحانه وتعالى في القرآن الكريم:  
 ﴿أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قَمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسِحُوا بِرِءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ﴾. ( سورة المائدة ٦ )

وهذه الآية تشير إلى كيفية الوضوء. وأما الحديث في هذا الموضوع بيان الفضل للغسل المتجاوز عن الحد الواجب للوضوء. وهذا الفعل يعتبر وسيلة لإنقاص الوضوء التي تكون شرطاً لكمال الصلاة. إن الصلاة المؤذنة مع إسباغ الوضوء قبلها تنهى عن وقوع صاحبها في المعاصي. قال الله تعالى: ﴿إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ﴾ (سورة العنكبوت ٤٥)

## ٦ - فضائل الوضوء

فضائل الوضوء كثيرة، منها:

- ١ - الوضوء طهارة، والله سبحانه وتعالى يحب المطهرين، والظهور شطر الإيمان.
- ٢ - الوضوء والصلاحة ركعتين بعده سببان لدخول الجنة.
- ٣ - الوضوء سبب لرفع الدرجات ومحو السيئات.
- ٤ - يحمي الوضوء المسلم من العين والسحر.
- ٥ - الوضوء سبب لمغفرة الذنوب.

\*\* أيها المسلم، اعلم أن المحافظة على الوضوء من علامات الإيمان لقوله ﷺ : "سدوا وقارباً أن خيراً أعمالكم الصلاة، ولا يحافظ على الوضوء إلا مؤمن". (رواه ابن حبان)

## 7 - Pengajaran daripada Hadis

- Keistimewaan umat Islam adalah terdapat cahaya pada wajah dan cahaya kesan daripada wuduk
- Kelebihan wuduk dan pahalanya adalah besar pada Hari Kiamat.
- Sentiasa berwuduk dan melakukannya dengan sempurna
- Satu kerugian apabila meninggalkan wuduk.

\*\* Adakah anda tahu?

Antara perkara sunat ketika tidur adalah berwuduk. Kelebihannya ialah malaikat yang ada bersama seseorang itu akan memohon keampunan untuk orang tersebut sebelum ianya sedar dari tidurnya.

Daripada Ibnu Umar berkata: Rasulullah saw bersabda : "Barangsiapa yang tidur dalam kedaan suci, maka Malaikat akan bersamanya di dalam pakaianya. Dan tidaklah ia bangun melainkan Malaikat berdo'a: 'Ya Allah, ampunilah hamba-Mu si fulan kerana ia tidur dalam keadaan suci

٧- ما يرشد إليه الحديث

- ١- إن هذه الأمة مخصوصة بالغرة والتحجل من الوضوء.
- ٢- فضل الوضوء وجزءه عظيم يوم القيمة.
- ٣- المواظبة على الوضوء وإسباغه.
- ٤- خطورة ترك الوضوء.

\*\* هل تعلم ؟

من سنن التوم الوضوء قبله. وفضيلته الاستغفار من الملك الموكل إلى صاحبه قبل أن يستيقظ من نومه .

عن ابن عمر قال: قال رسول الله ﷺ : "مَنْ بَاتَ طَاهِرًا، بَاتَ فِي شَعَارِهِ مَلَكٌ فَلَمْ يَسْتَيْقِظْ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ : اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِعَبْدِكَ فُلَانٍ، فَإِنَّهُ بَاتَ طَاهِرًا". (رواه ابن ماجه)

## Pelajaran 7:

**Tayammum**

## 1- Membaca Hadis dengan bacaan yang betul

Daripada Jaabir bin Abdullah berkata: Rasulullah saw bersabda: Aku diberikan lima perkara yang tidak diberikan kepada seseorang pun sebelumku; aku dibantu mengalahkan musuhku dengan ketakutan mereka sendiri sejauh sebulan perjalanan, dijadikan bumi (tanah) untukku sebagai masjid (tempat solat) dan suci (alat bersuci). Sesiapa saja dari umatku mengetahui waktu solat telah tiba maka hendaklah dia solat (di mana sahaja dia berada), dihalalkan untukku harta rampasan perang yang tidak pernah dihalalkan untuk seseorang pun sebelumku, para nabi sebelumku diutus khusus untuk kaumnya sahaja sedangkan aku diutus untuk seluruh manusia, aku diberikan (hak) syafa'at

(hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

## 2- Perbendaharaan kata terpilih

أعْطِيَتْ خَمْسًا : iaitu daripada beberapa perkara

أَحَدُ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ : tidak diimpunkan semua perkara tersebut kepada mana-mana dari kalangan para nabi

رَعْبٌ (الرعب) : iaitu rasa ketakutan

مَسِيرَةً شَهْرًا (مسيرة شهر) : antara aku dan musuh jaraknya sebulan perjalanan

وَجَعَلَتْ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا ( يجعلت لي الأرض مسجدا ) : iaitu tempat sujud

غَنَائِمٌ (الغنائم) : sesuatu yang digunakan oleh manusia untuk bersuci seperti tayammum

كَاتِمٌ (الكاتم) : kata jamak bagi (الغنية) iaitu harta rampasan yang diambil dari tentera musuh ketika perang secara paksaan.

## 3 - Huraian hadis secara umum

Inilah yang Allah swt berikan kepada nabi-Nya Muhammad saw dan kelebihannya berbanding para nabi yang lain. Inilah yang Allah swt berikan keistimewaan kepada umat ini.

1- Dicampakkan ke dalam hati musuh perasaan takut yang jaraknya sebulan perjalanan.

الтелиم

## ١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُعْطِيْتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرَّعْبِ مَسِيرَةً شَهْرٍ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، وَإِنَّمَا رَجَلٌ مِنْ أُمَّتِي أَذْرَكْتُهُ الصَّلَاةَ فَلَيُصَلِّ وَأَحْلَتُ لِي الْمَعَانِمُ، وَكَانَ النَّبِيُّ يُبَعِّثُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبَعِثَ إِلَى النَّاسِ عَامَّةً، وَأُعْطِيْتُ الشَّفَاعَةَ.

( رواه البخاري ومسلم )

## ٢ - معاني الكلمات المختارة

أعْطِيْتُ خَمْسًا : أى من الخصال

أَحَدُ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ : أى لم تجمع لأحد منهم

رَعْبٌ : وهو الخوف

مَسِيرَةً شَهْرًا : أى بيني وبين العدو مسافة شهر

وَجَعَلَتْ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا : أى موضع سجود

طَهُورًا : ما يتظاهر به الإنسان كالتي تم

الْغَنَائِمُ : جمع الغنيمة، وهي ما يؤخذ من الظاهرين في الحرب قهرا.

## ٣ - شرح الحديث إجمالا

هذا مما أعطاه الله نبيه ﷺ وفضله به على سائر الأنبياء، وهي مما احتضن الله سبحانه وتعالى به هذه الأمة:

١ - يلقى في قلوب العدو الرعب مسافة شهر.

2. Bumi (tanah) dijadikan tempat sujud. Sesiapa yang mengetahui telah masuk waktu solat dan dia tidak menemui masjid, maka dia boleh solat di mana-mana tempat yang suci. Seluruh bumi adalah masjid kecuali tempat perkuburan dan bilik air. Sesiapa yang mengetahui telah masuk waktu solat dan dia tidak menemui air untuk berwuduk setelah mencarinya atau tidak boleh menggunakannya, maka dia boleh bertayammum dengan tanah.
3. Harta rampasan adalah halal bagi umat Islam.
4. Rasulullah saw diutuskan kepada seluruh manusia berbeza dengan para nabi lain yang diutuskan khas untuk umatnya sahaja.
5. Adanya syafaat bagi Rasulullah saw pada hari kiamat.

\*\* Tayammum adalah antara keistimewaan umat Islam. Ia adalah ganti kepada bersuci dengan air. Dalil disyariatkan tayammum – firman Allah SWT :

*"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadas kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali dan jika kamu berjunub (berhadas besar) maka bersucilah dengan mandi wajib dan jika kamu sakit (tidak boleh kena air) atau dalam pelayaran atau salah seorang dari kamu datang dari tempat buang air atau kamu sentuh perempuan, sedang kamu tidak mendapat air (untuk berwuduk dan mandi), maka hendaklah kamu bertayammum dengan tanah (debu) yang bersih, iaitu: Sapulah muka kamu dan kedua belah tangan kamu dengan tanah debu itu. Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Dia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatnya kepada kamu, supaya kamu bersyukur"*

Surah al Maidah : 6

#### 4- Pengertian Tayammum

Tayammum dari sudut bahasa ialah tujuan

Tayammum dari sudut syarak ialah mencari tanah bagi menyapu muka dan dua tangan dengan niat untuk membolehkan solat dan seumpamanya. Pendapat lain mengatakan: Tayammum adalah *azimah* (kewajipan syarak) kerana ketiadaan air, atau rukhsah (kelonggaran syarak) kerana keuzuran (tidak dapat menggunakan air).

٢- جعلت الأرض موضع سجود. ومن أدركته الصلاة ولم يجد مسجداً، فإنه يصلى في أي مكان ظاهر عليها. فالأرض كلها مسجد إلا المقبرة والحمام. ومن أدركته الصلاة ولم يجد الماء مع التحرى عنه أو عجز عن استعماله، فإنه يتيمم.

٣- كانت الغائم حلالاً لهذه الأمة.

٤- بعث النبي ﷺ إلى الناس كافة، بخلاف غيره من الأنبياء الذين يعيشون لأمتهم خاصة.

٥- إثبات الشفاعة للنبي ﷺ يوم القيمة.

\*\* التيمم من خصائص الأمة الإسلامية وهو بدل طهارة الماء. ودليل مشروعيته، قال الله سبحانه وتعالى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُؤُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِنْ كُنْتُمْ جُبَانًا فَأُطْهِرُوْا وَإِنْ كُنْتُمْ مَرْضَى أَوْ عَلَى سَفَرٍ أَوْ جَاءَ أَحَدٌ مِنْكُمْ مِنَ الْغَابِطِ أَوْ لَمْ يَسْتُمِّ الْنِسَاءُ فَلَمْ تَجِدُوا مَاءً فَتَيَمَّمُوا صَعِيدًا طَيْسًا فَامْسَحُوا بِوُجُوهِكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ مِنْهُ مَا نُيِّدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُم مِنْ حَرَجٍ وَأَكِنْ يُرِيدُ لِيُطْهِرُكُمْ وَلَيُتِمَّ نِعْمَتَهُ وَعَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشَكُّرُونَ (سورة المائدة : ٦)

#### ٤- معنى التيمم

التيمم في اللغة : القصد

التيمم في الشرع : القصد إلى الصعيد لمسح الوجه واليدين بنية استباحة الصلاة ونحوها. وقيل: هو لعدم الماء عزيمة وللذر رخصة .

## ٥ - أسباب التيمم

النيم هو النوع الثاني من الطهارة. وهو بدل عن طهارة الماء إذا تعذر استعمال الماء لأعضاء الطهارة أو بعضها لعدمه أو خوف ضرر باستعماله. فيقوم التراب مقام الماء، بأن ينوي رفع ما عليه من الأحداث.

**\*\* إن الله سبحانه وتعالى يريد فيما شرعه من هذه الرخصة في الصلاة جمعاً وقصراً والصيام وسائر ما يشرعه لكم من أحكام، أن يكون دينكم يسراً تاماً لا عسر فيه.**

## ٦ - ما يرشد إليه الحديث

١. تفضيل نبينا محمد ﷺ على سائر الأنبياء والمرسلين.
٢. كون الغنائم حلالاً في حق هذه الأمة.
٣. إن التيمم يرفع الحديث كالماء.
٤. امتنان الله تعالى على نبيه ﷺ.
٥. إثبات الشفاعة للنبي ﷺ.

## ٧ - كيفية التيمم

١. ضرب التراب بالكفين
٢. مسح التراب على الوجه من أعلى
٤. إمرار التراب على اليدين كاملاً.
٣. إمرار التراب من الأصابع إلى المرفق.

**\*\* هل تعلم ؟**

من حكم التيمم هي :

١. رفع الحرج عند فقد الماء أو التعذر عن استعماله.
٢. إرادة التطهير من الأحداث لأداء العبادات
٣. إتمام النعمة بمشروعيتها لأمة النبي ﷺ

## ٥ - Sebab yang membolehkan Tayammum

Tayammum adalah jenis kedua daripada bentuk bersuci. Ia adalah menggantikan bersuci dengan air apabila tidak dapat menggunakan air pada anggota bersuci atau sebahagian anggotanya kerana tiada air atau bimbang berlaku kemudaratan apabila menggunakannya. Maka (bersuci dengan) tanah menggantikan air iaitu dengan niat mengangkat hadas.

**\*\* Allah swt inginkan daripada rukhsah yang disyariatkan ini pada solat sama ada solat jamak atau qasar, puasa dan hukum-hukum lain yang disyariatkan pada kamu itu **adalah** agar agama kamu mudah dan lengkap serta tidak menyulitkan.**

## ٦ - Pengajaran daripada Hadis

- Kelebihan nabi Muhammad saw berbanding para nabi dan rasul yang lain.
- Rampasan perang adalah halal pada hak umat Islam.
- Tayammum boleh menghilangkan hadas seperti air.
- Syukur kepada Allah memberi anugerah kepada nabi saw (dengan pelbagai kelebihan).
- Adanya syafaat bagi Rasulullah saw.

## ٧ – Cara bertayammum

- Menepuk tanah dengan dua tapak tangan
- Menyapu debu tanah pada muka dari bahagian atas muka
- Melalukan debu tanah dari jari tangan hingga ke siku.
- Meratakan debu tanah pada seluruh tangan.

**\*\* Adakah anda tahu ?**

Antara hikmah Tayammum ialah:

1. Menghilangkan kesulitan (untuk bersuci) ketika ketiadaan air atau ketika tidak dapat menggunakan air.
2. Dapat bersuci dari hadas untuk menunaikan ibadat.
3. Menyempurnakan nikmat Allah dengan mensyariatkannya kepada umat nabi Muhammad saw.

## Membaca Hadis dengan bacaan yang betul

Dari Abu Hurairah r.a. berkata: "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah saw, lalu bertanya: " Wahai Rasulullah, siapakah yang berhak aku layani dengan baik?" Rasulullah menjawab : " Ibumu!", kemudian siapa? Rasulullah menjawab: " Ibumu!", kemudian siapa? Rasulullah menjawab: "Ibumu!". Dia bertanya lagi: kemudian siapa pula? Rasulullah menjawab: "Bapamu!".  
 (Hadis riwayat.Bukhari dan Muslim).

## Perbendaharaan kata terpilih

**البر** (البر) huruf ba berbaris bawah, berlaku ihsan dan ianya adalah hak kedua ibu bapa: lawan bagi perkataan derhaka.

**حسن الصحبة** (حسن الصحبة) bergaul dengan adab yang tinggi dan memuliakannya tanpa disakiti

## 3 - Huraian hadis secara umum

Hadis ini merupakan dalil bahawa kasihkan ibu dan belas kasihan terhadapnya hendaklah tiga kali ganda kasihkan bapa, kerana Nabi saw mengulangi perkataan "ibu" sebanyak tiga kali dan menyebut perkataan "bapa" pada kali keempat sahaja. Apabila kita merenungi maksud hadis ini, maka kita pasti akan dapat lihat dengan jelas. Ini kerana kesukaran ketika mengandung, melahirkan anak, menyusukan anak dan mendidiknya hanya ditanggung dan diharungi oleh ibu, tidak pada bapa. Tiga peringkat/keadaan ini tidak diharungi oleh bapa.

## 4. Panduan untuk membentuk anak yang berbakti ibu bapa

Hak ibu bapa yang perlu dilaksanakan oleh anak adalah berbuat baik kepada keduanya. Ianya dengan cara berbuat ihsan kepada keduanya sama ada dengan perkataan dan perbuatan, sama ada dengan harta dan tubuh badan, mematuhi perintah keduanya pada perkara bukan maksiat kepada Allah, bercakap dengan keduanya dengan lemah lembut, bermanis muka bersama mereka dan melayani/memenuhi keperluan mereka. Tidak mengherdik mereka ketika usia tua, sakit dan lemah kerana anak tersebut akan menjadi seorang bapa sepertimana kedua ibu bapanya .

## بر الوالدين

### ١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحْقُ النَّاسِ بِالْخُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: أُمُّكَ. قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ثُمَّ أُمُّكَ. قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ثُمَّ أُمُّكَ قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ثُمَّ أُبُوكَ. (رواه البخاري ومسلم)

### ٢ - معانى الكلمات المختارة

**البر** : بكسر الباء: الإحسان وهو في حق الوالدين: ضد العقوق.  
**حسن الصحبة** : هو المصاحب بالأدب العظيم والتكرم من غير أذى

### ٣ - شرح الحديث إجمالاً

وفي هذا الحديث دليل أن محبة الأم والشفقة عليها ينبغي أن تكون ثلاث أميال محبة الأب، لأن النبي ﷺ كرر الأم ثلاث مرات، وذكر الأب في المرة الرابعة فقط. وإذا تأمل هذا المعنى، شهد له العيان. وذلك أن صعوبة الحمل وصعوبة الوضع وصعوبة الرضاع والتربية تنفرد بها الأم وتشقى بها دون الأب. فهذه ثلاث منازل يخلو منها الأب.

### ٤ - الإرشادات لتكوين الابن البار للوالدين

إن حق الوالدين على الابن أن يير هما. وذلك بالإحسان إليهما قولاً وفعلاً بالمال والبدن، يعيش أمر هما في غير معصية الله، يلين لهما القول، وييسط لهما الوجه، ويقوم بخدمتهما، ولا يتضجر منهما عند الكبر والمرض والضعف لأن الابن سوف يكون أباً كما كان أبوين.

Pelajaran 7:

**Berbuat baik kepada ibu bapa**

## ٥ - توضیح مفهوم رضا الله في رضا الوالدين

### 5- Penjelasan maksud keredhaan Allah swt pada keredhaan ibu bapa

Tidak ada selepas hak Allah dan Rasul-Nya yang wajib dan lebih besar ke atas seseorang hamba itu lebih daripada hak-hak terhadap ibu bapa. Oleh kerana itulah Islam telah memerintahkan agar berbuat baik dan berlaku ihsan terhadap kedua-duanya. Perkara tersebut disertakan dengan perintah menyembah Allah dan mentaatiNya.

Firman Allah swt:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(Surah Al-Isra : 23)

Allah swt telah sertakan ungkapan “berterima kasih kepada kedua ibu bapa” dengan ungkapan “mensyukuriNya” sesiapa yang berterima kasih kepada ibu bapanya, sesungguhnya Allah swt tidak memerlukan terima kasih daripada hamba itu. Orang yang bersyukur kepada Allah dan tidak berterima kasih kepada ibu bapanya, Allah tidak menerima syukurnya, bahkan Allah swt menjadikan keredhaaNya pada keredhaan ibu bapa dan kebencianNya pada kebencian ibu bapa.

\*\* Adakah anda hafal ?

“Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil”

(Surah al Isra' : 24)

### 6 - Pengajaran daripada Hadis

- Besarnya Hak ibu bapa dan mendahulukan hak ibu berbanding bapa.
- Pastikan hak saudara-mara selepas ibu bapa mengikut kedudukan mereka.
- Para sahabat nabi saw begitu mengambil berat mengenai persoalan tentang apa yang mereka perlukan dari urusan agama mereka.

ليس هناك حق بعد حقوق الله ورسوله أوجب على العبد ولا أكذ من حقوق والديه عليه. ولهذا فقد أمره الإسلام ببرهما والإحسان إليهما. وقرن ذلك بعبادته وطاعته كما قال الله تعالى: (وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَلْعَنَ عَنْدَكُمُ الْكُبُرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كُلُّهُمَا فَلَا تَقْلِيلٌ لِمَا أَفْ وَلَا تَنْهَرْ هُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا )

( سورة الإسراء ٢٣ )

فقد قرن شكر هما بشكره تعالى. فمن يشكر لوالديه، فإن الله غني عن شكره. ومن شكر الله ولم يشكر لوالديه، لا يقبل الله شكره. بل جعل رضاه في رضا الوالدين، وسخطه في سخطهما.

\*\* هل تحفظ ؟

سورة الإسراء ١٧ : ٢٤

{ رب ارحمهما كما ربياني صغيرا }

## ٦ - ما يرشد إليه الحديث

١. عظم حق الوالدين وتقدسم حق الأم على الأب.
٢. تأكيد حقوق الأقارب بعد الوالدين على حسب درجاتهم.
٣. حرص الصحابة رضي الله عنهم عن السؤال عما يحتاجون إليه من أمر دينهم.

\*\* Wahai pelajar, setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan perlu sentiasa berdoa kepada kedua ibu bapa pada setiap masa dengan doa ini :

\*\* Adakah anda hafal ?

Derhaka kepada orang tua ialah lawan kepada berbuat baik kepada keduanya yang diperintahkan oleh Rasulullah saw dalam hadis pada tajuk ini. Ia adalah salah satu dosa yang Allah swt sediakan balasan kepada pelakunya di dunia ini serta balasan lain yang menantinya di akhirat. Tidak ada di sana nas tertentu yang menetapkan jenis balasan tersebut. Kadang-kadang balasannya di dunia ini dengan Allah mengujinya dan dibalas dengan derhaka anak-anaknya, lalu dia dilayan sebagaimana tindakannya kepada kedua ibu bapa dahulu atau lebih teruk lagi. Balasan itu adalah setimpal dengan perbuatan yang dilakukan.

\*\* أيها الطلبة، ينبغي على كل مسلم وMuslima مداومة الدعاء للوالدين في كل وقت بهذا الدعاء :

\*\* هل تحفظ ؟

عقوق الوالدين هو ضد برهما الذي أمر الرسول ﷺ في الحديث في هذا الموضوع. وهو من الذنوب التي يعجل الله سبحانه وتعالى لصاحبها العقوبة في الدنيا مع ما ينتظره في الآخرة. وليس هناك نص معين يحدد نوعية هذه العقوبة، وقد يكون من عقوبته في الدنيا أن الله تعالى يبتليه ويعاقبه بعقوق أبنائه، فيعاملونه كما يعامل أبويه أوأشد، فالجزاء من جنس العمل.

**GALAKAN MENGHAFAZ AL-QURAN**

Membaca Hadis dengan bacaan yang betul

Daripada Anas ra, dari Nabi saw bersabda: Allah swt mempunyai keluarga yang terdiri dari manusia. Mereka (sahabat nabi) bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah mereka itu? Baginda menjawab: Mereka adalah ahli al-Quran, mereka adalah keluarga Allah swt dan orang yang istimewa bagi Allah swt.

(Hadis riwayat Ibn Majah)

**Perbendaharaan kata terpilih**

**هم أهل القرآن** penghafaz Al-Qur'an, dan mereka membacanya pada waktu malam dan pada siang hari serta beramal dengan al Quran.  
**أهلي الله** wali-wali Allah swt yang istimewa, atau parti Allah dan kumpulanNya  
**وَخَاصَّةُهُ** orang yang mengkhususkan diri mereka untuk berkhidmat kepadaNya

**Huraian hadis secara umum**

Rasulullah saw memberitahu para sahabat bahawa Allah swt mempunyai keluarga di kalangan manusia. Beberapa orang sahabat ingin mendapat penjelasan tentang keluarga Allah swt, siapakah mereka? Baginda saw menjawab: Keluarga Allah swt dan orang yang istimewa bagi Allah adalah ahli Al-Quran yang membacanya sebagai ibadah dan mempelajari hukum-hukumnya. Mereka ini berada pada satu kedudukan di sisi Allah swt. Dan Allah swt redha terhadap mereka.

**الحث على حفظ القرآن**

١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة عن أنس رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إِنَّ لِلَّهِ تَعَالَى أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ هُمْ؟ قَالَ: هُمْ أَهْلُ الْقُرْآنِ، أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ. (رواه ابن ماجه)

**معاني الكلمات المختارة**

**هم أهل القرآن** : أي حفظة القرآن، يتلونه أثناء الليل وأطراف النهار العاملون به  
**أهلي الله** : أي أولياؤه المختصون، أو حزبه وجماعته  
**وَخَاصَّتُهُ** : أي الذين يختصون بخدمته

**شرح الحديث إجمالاً**

أخبر رسول الله ﷺ جماعة من الصحابة بأن الله أهلين من الناس. فيستفسر بعض الصحابة عن أهل الله، ومن يكونوا؟ فيجيبهم عليه الصلاة والسلام بأن أهل الله وخاصته هم أهل القرآن الذين يتلونه تعبداً ويتدارسون بأحكامه. فهم في منزلة عند الله. وأنه سبحانه وتعالى راض عنهم.

#### ٤- سبب ورود الحديث

سببه كما ذكر في كتاب "الجامع الكبير" عن النعمان بن بشير رضي الله عنه قال : قال رسول الله ﷺ : إن الله عز وجل أهلين من الناس. قيل : من هم يا رسول الله؟ قال: هم أهل القرآن.

#### ٥- إن القراءان كلام الله المعجز

القرآن هو كلام الله المعجز المنزل على نبينا محمد ﷺ بواسطة جبريل عليه السلام.

والقرآن الكريم من أعظم المعجزات التي أيد الله بها نبيه ﷺ، ومنها:

١. التحدى به لبلغاء العرب
٢. الإخبار عن تاريخ الأمم السابقة
٣. الإخبار عن الأمور الغيبية
٤. الكتاب الباقي إلى يوم القيمة
٥. الإعجاز التشريعي
٦. الإعجاز العلمي

#### ٦- أهمية حفظ القراءان

من فضائل حفظ القرآن الكريم، فهي كالتالي:

١. حفظ القرآن سنة متبعة، فالنبي ﷺ قد حفظ القرآن الكريم كله.
٢. يأتي القرآن يوم القيمة شفيعاً لأهله وحافظه.
٣. أن القرآن يرفع صاحبه في الجنة درجات.
٤. حفظ القرآن ينجي صاحبه من النار.
٥. حفظة القرآن هم أهل الله وخواصته.

#### Sebab datangnya hadis ini

Sebabnya adalah seperti yang dinyatakan di dalam kitab "Jami' Kabir" daripada Nu'man bin Bashir r.a berkata: Rasulullah saw bersabda: Allah swt mempunyai keluarga yang terdiri dari manusia. Mereka (sahabat nabi) bertanya: Wahai Rasulullah, siapakah mereka itu? Baginda menjawab: Mereka adalah ahli al-Quran.

#### Al-Quran adalah kalam Allah swt yang mempunyai mukjizat

Al-Quran ialah kalam Allah swt yang mempunyai mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw melalui malaikat Jibril a.s.

Al-Quran adalah salah satu mukjizat terbesar yang Allah swt kuatkannya untuk Nabi saw, antaranya:

١. Ianya mencabar ahli sastera Arab
٢. Ianya Menceritakan tentang sejarah umat terdahulu
٣. Ianya memberitahu perkara-perkara ghaib
٤. Ianya adalah kitab yang kekal sehingga Hari kiamat
٥. Ianya adalah sistem perundangan yang tidak dapat ditandingi
٦. Ianya terdapat penemuan Sains yang menakjubkan

#### Kepentingan menghafal al-Qur'an

Antara kelebihan menghafal al-Qur'an adalah seperti berikut:

١. Menghafal al-Quran adalah sunnah nabi yang perlu diikuti. Nabi saw menghafal al-Quran sepenuhnya.
٢. Al-Quran akan datang pada hari kiamat memberi syafaat kepada ahli al-Quran dan penghafaznya.
٣. Al-Qur'an mengangkat pembacanya beberapa darjat di syurga.
٤. Menghafaz al Quran menjauahkan pembacanya dari api neraka.
٥. Penghafaz al-Qur'an adalah keuarga Allah swt dan orang yang istimewa bagi Allah swt.

\*\* هل تعلم ؟

\*\* Adakah anda tahu?

Buku pertama yang dicetak dalam bahasa Arab adalah Al-Quran, dan ia berada di Venice di Itali pada tahun 1530. Ini dinyatakan oleh Dr. Yahya al-Jabbari dalam bukunya "Metodologi Penyelidikan".

### Cara Menghafal Al-Quran

Terdapat banyak cara menghafal al-Quran, antaranya:

1. Keikhlasan adalah rahsia pembuka (menguasai) segala perkara.
2. Menghafal semenjak usia masih kecil.
3. Pemilihan masa hafalan yang sesuai.
4. Pemilihan tempat menghafal yang sesuai.
5. Membaca dengan bertajwid dan berlagu.
6. Hanya menggunakan satu naskhah Al Quran sahaja dan tidak menuarkannya dengan naskhah lain (semasa menghafal).
7. Membetulkan bacaan al Quran perlu sebelum menghafalnya.
8. Mengulangi bacaan
9. Menghafal secara perlahan-lahan dan tenang adalah lebih baik daripada secara cepat/tergesa-gesa.
10. Pentingnya hubungan yang baik dengan guru (semasa menghafal al Quran).
11. Semakan hafazan.

### ٧- كيفية حفظ القرآن

كيفية حفظ القرآن كثيرة، منها :

١. الإخلاص سر الفتح.
٢. الحفظ منذ الصغر في السن.
٣. اختيار وقت الحفظ المناسب.
٤. اختيار مكان الحفظ المناسب.
٥. القراءة المحودة المنغمة.
٦. الاقتصار على طبعة واحدة من المصحف ولا يغيره.
٧. تصحيح القراءة مقدم على الحفظ.
٨. التكرار.
٩. الحفظ البطيء المادي أفضل من السريع.
١٠. ضرورة الارتباط بالشيخ المعلم.
١١. المراجعة.

أول كتاب طُبع باللغة العربية هو القرآن الكريم، وكان ذلك في فنيسيا (Venice) بإيطاليا سنة ١٥٣٠ م. ذكر ذلك الدكتور يحيى الجبوري في كتابه "منهج البحث".

\*\*Adakah anda hafal?

### **Doa mohon dipermudahkan dalam sesuatu perkara**

*Ya Allah, tiada sesuatu yang mudah kecuali yang engkau jadikan mudah dan engkaulah yang menjadikan susah itu mudah dengan kehendakmu.*

(Hadis riwayat. Ibn Hibban)

Menghafal Al-Quran adalah satu penghormatan besar dan kedudukan yang tinggi tidak dapat dicapai oleh orang yang malas dan lemah semangat. Oleh itu, seseorang itu perlu berusaha melawan nafsunya dan bersabar menghadapi kesukarannya. Sesungguhnya membaca beserta menghafal al Quran adalah pahala yang paling besar di sisi Allah swt.

### **Kelebihan penghafal al-Quran**

1. Wali-wali Allah yang telah terpilih daripada makhlukNya dan hamba-Nya adalah ahli Al-Qur'an.
2. Dalam hadis ini dinyatakan pahala pembaca al-Quran di akhirat, sebagaimana dia juga mendapat pahala di dunia.
3. Antara perkara yang paling mulia dapat mendekatkan kepada Allah swt adalah membaca al-Quran dan sentiasa membacanya pada waktu malam dan siang.

### **Pengajaran daripada Hadis**

1. Keluarga Allah swt adalah orang yang berpegang teguh dengan al-Quran pada amalannya dan membaca al Quran sebagai ibadahnya.
2. Menggalakkan umat Islam agar membaca al-Quran dan berpegang teguh dengannya.
3. Sentiasa membaca al-Quran sehingga mendapat keredhaan Allah swt.

\*\* هل تحفظ ؟

### **دعا طلب السهلة في الأمر**

*اللهم لا سهل إلا ما جعلته سهلا، وأنت تجعل الحزن إذا شئت سهلا.*

(رواه ابن حبان)

\*\* إن حفظ القرآن الكريم شرف عظيم ومرتبة عالية لا ينالها الكسالى وضعاف الهمم، ويستحق على المسلم بذل الجهد وتفریغ الوقت لحفظه. لذلك، ينبغي أن يجاهد نفسه وبصیر على بعض مشقته. فإن القراءة مع الحفظ أعظم أجرًا عند الله.

### **- ٨- فضل حملة القرآن**

١. إن أولياء الله تعالى الذين اصطفاهم من خلقه وعباده هم أهل القرآن.
٢. في الحديث بيان ثواب قارئ القرآن في الآخرة، كما أنه نال الثواب في الدنيا.
٣. من أعظم أمر يقرب إلى الله هو قراءة القرآن الكريم والمداومة على قراءته آناء الليل وأطراف النهار.

### **- ٩- ما يرشد إليه الحديث**

١. أهل الله هم الذين يتمسكون بالقرآن الكريم عملاً ويتلونه بعيداً.
٢. حث المسلمين على تلاوة القرآن الكريم والتمسك به.
٣. ملازمة تلاوة القرآن حتى يكسب رضوان الله.

\*\* هل تعلم ؟

\*\*Adakah anda tahu?

Syeikh Muhammad Abdul Azim al-Zarqani berkata: "Para penghafaz al-Quran semasa Rasulullah saw masih hidup amatlah ramai, antaranya empat orang khalifah ar Rasyidin, Talhah, Saad, Ibnu Mas'ud, Huzaifah, Salim Maula Abu Huzaifah, Abu Hurairah, Ibnu Umar, Ibnu Abbas, Amru bin al-'As dan anaknya Abdullah, Mu'awiyah, Ibnu Zubir, Abdullah bin Saib, Aisyah, Hafsah dan Umm Salamah. Mereka ini semuanya di kalangan golongan Muhajirin.

(Manahilul Irfan , Ulum al Quran – juzuk 1 : halaman 199)

قال الشيخ محمد عبد العظيم الزرقاني: كان حفاظ القرآن في حياة الرسول جماً غفيراً منهم الأربعة الخلفاء وطلحة وسعد وابن مسعود وحذيفة وسلام مولى أبي حذيفة وأبو هريرة وابن عمر وابن عباس وعمرو بن العاص وابنه عبد الله ومعاوية وابن الزبير وعبد الله بن السائب، وعائشة، وحفصة، وأم سلمة، وهؤلاء كلهم من المهاجرين رضوان الله عليهم أجمعين.

(مناهل العرفان علوم القرآن، الجزء ١ : الصفحة ١٩٩)

## Pelajaran 10:

**Kelebihan Orang yang Berkasih sayang Dalam Islam**

## 1- Membaca Hadis dengan bacaan yang betul

Dari Anas bin Malik r.a, dari nabi saw bersabda, "Tidak beriman salah seorang di antara kamu hingga dia mencintai untuk saudaranya apa yang dia cintai untuk dirinya sendiri.

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

## 2- Perbendaharaan kata terpilih

(لا يؤمن أحدكم) menafikan kesempurnaan iman

(لأخيه) sama ada saudara seagama itu lelaki atau perempuan

(ما يحب نفسه) iaitu apa-apa kebaikan. Perkara yang baik ialah perkataan yang merangkumi segala perkara ketaatan dan perkara yang harus samada berbentuk (kebaikan) dunia atau akhirat.

\*\* Adab adalah penting dalam ajaran Islam, ianya menjadikan seorang Islam sama ada lelaki atau perempuan terikat dengan ikatan persaudaraan, pergaulan yang baik, memberi nasihat, tunjuk ajar dan mencintai kebaikan. Jika sebaliknya maka keimannya kurang, Islamnya lemah dan rasa takut terhadap Allah swt sudah tiada.

## 3 - Huraian hadis secara umum

Nabi saw memberitahu tentang sifat orang beriman yang sempurna dan penuh keimanan di dalam hatinya. Maka akan lahirlah perasaan kemesraan dan dapat memupuk rasa kasih sayang terhadap saudara-saudaranya seagama.

Allah swt berfirman: " Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara." (Surah al Hujurat : 10)

Begitu juga antara iman yang sempurna ialah seseorang itu benci untuk saudaranya apa yang dia benci untuk dirinya sendiri

**فضل المتحابين في الإسلام**

## ١ - قراءة الحديث قراءة صحيحة

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

(رواه البخاري ومسلم )

## ٢ - معانى الكلمات المختارة

لا يؤمن أحدكم : أي نفي كمال الإيمان  
لأخيه : مسلم ومسلمة

ما يحب نفسه : أي من الخير والخير كلمة جامعة تعم الطاعات والمباحات الدنيوية والأخروية.

\*\* الآداب مهمة في تعاليم الإسلام حيث يجعل المسلم والمسلمة ربط الأخوة وحسن المعاملة وبذل النصيحة والإرشادات ومحبة الخير. وإلا، فإيمانه ناقص، وإسلامه ضعيف، وحوفه من الله معدوم.

**٣ - شرح الحديث إجمالاً**

يَنْبَئُ النَّبِيُّ ﷺ عَنْ خَلْقِ الْمُؤْمِنِ الْكَامِلِ الَّذِي رِبَّ الإِيمَانَ فِي قَلْبِهِ. فَأُوْجِدَ الْأَلْفَةُ وَغُرْسُ الْمُوْدَةِ لِإِخْرَانِهِ الْمُسْلِمِينَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: {إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ} - سورة الحجرات : ١٠

وكذا من الإيمان أن يرفض لأخيه ما يبغض لنفسه.

#### 4 - Sebab datangnya hadis

Sebab datangnya hadis seperti yang diriwayatkan oleh at Tobari daripada Abu al-Walid al-Qurashi ketika beliau bersama Bilal bin Abu Burdah, seorang lelaki datang mengadu kepadanya tentang penduduk Taff yang tidak menunaikan zakat. Lalu Bilal bertanya tentang keturunannya, dia dari keturunan Abdul Qais. Bilal menulis kepada pegawai polisnya bertanyakan tentang lelaki tersebut. Lalu pegawai polisnya memberitahu bahawa lelaki tersebut bekerja di bahagian **hisbah** (badan pengawasan bagi melaksanakan tugas keagamaan : menyeru melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran), maka Bilal merasa hairan dengan keadaan lelaki tersebut yang mengambil berat tentang hal orang lain, lalu beliau menyebutkan hadis ini.

#### 5- Konsep kasih sayang dalam Islam

Kasih sayang adalah perasaan jiwa, rasa hati dan timbulnya perasaan yang menarik hati yang penuh dengan kasih terhadap orang yang dikasihinya dengan penuh semangat, kelembutan dan peri kemanusiaan. Konsep kasih sayang dalam Islam adalah seperti berikut:

- **Cinta/kasih yang tertinggi** – adalah cinta/kasih kepada Allah swt, Rasul-Nya dan jihad di jalan Allah.
- **Cinta/kasih pertengahan** – adalah cinta/kasih kepada ibu bapa, para nabi, sanak saudara, pasangan suami/isteri dan keluarga.
- **Cinta/kasih yang paling rendah** – adalah melebihkan cinta/kasih kepada ahli keluarga, harta dan tempat tinggal berbanding cinta pada Allah, Rasulullah saw dan Jihad di jalan Allah.

\*\* Adakah anda hafal ?

#### Doa Nabi Daud a.s

“Ya Allah, sesungguhnya aku memohon kepadaMu cintaMu dan cinta orang-orang yang mencintaiMu dan aku memohon kepadaMu perbuatan yang dapat menyampaikan daku kepada cintaMu. Ya Allah, jadikanlah cintaMu lebih kucintai daripada diriku dan keluargaku serta air dingin”

(Hadis riwayat Tirmizi)

#### ٤ - سبب ورود الحديث

سببه كما أخرجه الطبراني عن أبي الوليد القرشي أنه كان عند بلال بن أبي بردة، فجاء رجل يشكوله عن أهل الطف الذين لا يؤدون زكاهم. فسألته بلال عن نسبة وهو من عبد القيس، وكتب لصاحب شرطته يسأل عنه حال ذلك الرجل. فأخبره صاحب شرطته بأنه يعمل في حسبة. فأعجب بلال شأنه الذي يهتم بأمور الغير، فذكر الحديث.

#### ٥ - مفهوم المحبة في الإسلام

الحب هو شعور نفسي وإحساس قلبي وابعاث وجданى ينجذب به القلب المحب تجاه محبوبه بحماسة وعاطفة وبشر. ومفهوم المحبة في الإسلام كالتالي:

- ١ - فالحب الأعلى : حب الله ورسوله والجهاد في سبيل الله.
- ٢ - والحب الأوسط : حب الآباء والأنبياء والإخوان والأزواج والعشيرة.
- ٣ - والحب الأدنى : إيمان حب الأهل والعشيرة والأموال والمسكن على حب الله والرسول والجهاد في سبيل الله.

\* هل تحفظ ؟

#### دعاة النبي الله داود عليه السلام

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ حُبَّكَ، وَحُبَّ مَنْ يُحِبُّكَ، وَالْعَمَلَ الَّذِي يُبَلَّغُنِي حُبَّكَ، اللَّهُمَّ اجْعِلْ حُبَّكَ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي، وَأَهْلِي، وَمِنَ الْمَاءِ الْبَارِدِ

(رواه الترمذى)

## 6- Peranan kasih sayang dalam penyatuan ummah

Islam menggalakkan agar berakhhlak mulia dan sifat terpuji. Oleh itu, Islam menyemai kasih sayang, kerana:

- Ianya membawa kepada belas kasihan dan saling menyayangi agar dapat mengembangkan perasaan menyayangi dan persaudaraan.
- Dari sudut sosial, Islam melontarkan perbahasan kasih sayang ini pada setiap anggota masyarakat supaya mereka dapat hidup dengan aman dan bahagia.

### Punca yang membawa kepada kasih sayang:

- Niat yang baik
- Bersangka baik dengan manusia
- Hubungan keluarga yang baik
- Berakhhlak baik
- Kasih sayang kepada orang lain
- Rendah diri
- Pemurah

## 7 - Larangan bermusuhan dan rasa kebencian

- Islam mengharamkan setiap perkara yang menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara umat Islam.
- Apabila manusia meninggalkan sebahagian daripada apa yang diperintahkan Allah swt kepadanya, maka akan berlaku permusuhan dan kebencian di antara mereka
- Apabila berlaku permusuhan dan kebencian, mereka akan berpecah belah. Apabila mereka berpecah belah, mereka akan binasa dan musnah. Berjemaah itu adalah rahmat dan berpecah belah adalah azab/penderitaan.
- Islam menggalakkan agar menyuruh perkara yang baik dan melarang kejahatan, menyucikan jiwa dan memperbaiki hati.

## ٦- دور المحبة في وحدة الأمة

لقد حث الإسلام على الأخلاق الحميدة والصفات الكريمة. ومن ذلك، يغرس الحب، لأنها:

- ١- تؤدي إلى التراحم والتعاطف كي تشيع الرحمة والإحساء.
- ٢- في الجانب الاجتماعي، يطرح عنوان المحبة لكل أشخاص المجتمع لكي يعيش في الأمان والسعادة.

### الأسباب التي تؤدي إلى المحبة:

- ١- حسن النية
- ٢- حسن الظن بالناس
- ٣- حسن العشرة
- ٤- حسن الخلق
- ٥- التواضع
- ٦- الرفق بالآخرين
- ٧- السخاء

## ٧- النهي عن العداوة والبغضاء

١. إن الإسلام يحرم كل ما يوقع العداوة والبغضاء بين المسلمين.
٢. إذا ترك الناس بعض ما أمر الله به، وقعت بينهم العداوة والبغضاء
٣. إذا وقعت العداوة والبغضاء، تفرقوا، فسدوا وهلكوا. فإن الجماعة رحمة والفرقة عذاب.
٤. حث الإسلام على الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر وتركية النفس وصلاح القلب.

## 8- Pengajaran daripada Hadis

- Galakan agar merendahkan diri, tidak ada seorang pun yang lebih baik daripada orang lain.
- Galakan agar berlembut hati dan bersaudara di kalangan umat Islam.
- Persamaan (kedudukan manusia) adalah penting dalam ajaran Islam.

\*\* Saudara saudari sekalian, sesungguhnya dua orang yang berkasih sayang, apabila salah satu daripada mereka lebih mencintai sahabatnya, maka lebih banyaklah pahalanya daripada seorang lagi.. Nabi saw bersabda: "Tidaklah dua orang yang berkasih sayang kerana Allah swt melainkan yang paling baik daripada mereka berdua adalah yang lebih mencintai sahabatnya.

(Hadis riwayat Ibnu Hibban)

\*\* Adakah anda tahu?

Islam menggalakkan agar baik pergaulan dengan orang lain dan banyak memberi manfaat kepada mereka. sekiranya mereka melakukan kejahanatan kepada seorang muslim itu hendakla ia bersabar, maka tindakan tersebut adalah lebih baik untuknya.

Dari Ibnu Umar, daripada Rasulullah saw bersabda: "Jika seorang muslim bergaul dengan orang lain dan bersabar atas gangguan mereka, adalah lebih baik daripada seorang muslim yang tidak bergaul dengan orang lain dan tidak bersabar atas gangguan mereka."

(Hadis riwayat Tirmizi)

## ٨- ما يرشد إليه الحديث

١. الحث على التواضع، فلا يكون أحد أفضل من غيره.
٢. الحث على التآلف والإخاء بين المسلمين.
٣. المساواة مهم في تعاليم الإسلام.

\*\* أيها الإخوة والأخوات، إن المتحابين إذا كان أحدهما أشد حبا لصاحبته، كان أعظم أجرا منه. قال النبي ﷺ : مَا تَحَبَّ اثْنَانِ إِلَّا كَانَ أَفْضَلُهُمَا أَشَدَّهُمَا حُبًّا لصَاحِبِهِ  
(رواه ابن حبان)

\* هل تعلم ؟

حت الإسلام على حسن المعاملة مع الناس، وكثرة النفع لهم. ولو ألقوا الضر على مسلم فصبر، فكان خيرا له.

عن ابن عمر، عن النبي ﷺ قال: الْمُسْلِمُ إِذَا كَانَ يُخَالِطُ النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ خَيْرٌ مِنَ الْمُسْلِمِ الَّذِي لَا يُخَالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ.  
(رواه الترمذى)